



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Memperkenalkan Akta-akta [Ruangan 14385]
- Penerangan Sendiri di bawah S.O. 25 [Ruangan 14386]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 14387]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 14431]
- Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) [Ruangan 14445]
- Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan) [Ruangan 14471]
- Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) [Ruangan 14493]

**USUL-USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 14470]
- Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Menarik Balik [Ruangan 14493]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKIL, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.Ķ. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K.; J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 2hb Disember, 1983**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*pergunakan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN TUAN  
YANG DIPERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

- (1) Akta Paten, 1983.
- (2) Akta Perlembagaan Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran), 1983.
- (3) Akta Profesion Undang-undang (Pindaan), 1983.
- (4) Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan), 1983.
- (5) Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan), 1983.
- (6) Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan), 1983.
- (7) Akta Taman Negara (Pindaan), 1983.

**PENERANGAN SENDIRI DI BAWAH  
S.O. 25**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu lagi pengumuman yang saya hendak kemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu saya telah menerima satu permohonan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (1) untuk memberi penerangan sendiri.

Di bawah Peraturan Mesyuarat 25, penerangan itu hendaklah tidak boleh di atas perkara-perkara yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak dibenarkan berkenaan dengan penerangan itu.

Setelah saya meneliti isi penerangan dari Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah disampaikan kepada saya, saya berpendapat bahawa isinya akan membangkitkan pertelingkahan. Oleh itu, saya terpaksa menolak permohonannya untuk memberi penerangan sendiri, iaitu mengikut kuasa yang ada kepada saya di bawah Peraturan Mesyuarat 25. (*Tepuk*)

Saya suka hendak menambah bahawa di dalam isi penerangan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, beliau ada berkata:

“Bukanlah hajat parti DAP hendak memecahbelahkan orang-orang Melayu dengan orang-orang Melayu dan orang-orang Melayu dengan Raja-raja bersabit dengan Perlembagaan”.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LESEN "PUKAT KENKA DUA BOT"  
KEPADA NELAYAN**

**1. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang semula berdasarkan alasan-alasan simpati dan keperimanusiaan permintaan nelayan-nelayan di Tanjung Piandang dan Kuala Kurau di Perak supaya diberi lesen-lesen perikanan "pukat kenka dua bot" kerana keputusan Kerajaan untuk hentikan pengeluaran lesen-lesen seumpama itu telah menyebabkan kesusahan kepada kaum nelayan di sana dan juga pihak polis merin telah mengambil kesempatan tersebut untuk mengganggu (harass) nelayan-nelayan berkenaan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian setelah berbincang dengan wakil-wakil nelayan telah bersetuju untuk menimbang semula pengeluaran lesen "pukat kenka dua bot" kepada nelayan-nelayan di Tanjung Piandang dan Kuala Kurau dengan syarat-syarat tertentu. Setakat ini Kementerian masih belum mencapai satu keputusan.

**PERSIDANGAN ANTARA-  
BANGSA MENGENAI  
PALESTIN DI GENEVA**

**2. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah dalam persidangan antarabangsa mengenai Palestin yang diadakan di Geneva baharu-baharu ini, pihak negara-negara Barat mengalami tekanan yang hebat daripada

Amerika Syarikat dan Israel; jika ya, adakah teks tersebut mengalami apa-apa perubahan dasar daripada apa yang telah dipersetujui dalam persidangan di Kuala Lumpur pada bulan Mei yang lalu mengenai rancangan tindakan menyelesaikan masalah Palestin dan menubuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka lagi berdaulat;

- (b) hasil dari keputusan di persidangan antarabangsa mengenai Palestin di Geneva baharu-baharu ini, adakah Kerajaan berpendapat dan berkeyakinan Pengisytiharan Geneva itu akan mendapat sokongan yang terbanyak di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang akan datang memandangkan sikap Amerika dan Israel dalam persidangan di Geneva baharu-baharu ini; dan
- (c) jika usaha-usaha Amerika dan Israel itu berjaya mempengaruhi masyarakat dunia antarabangsa di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa kelak, apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh negara-negara yang menyokong Pengisytiharan Kuala Lumpur itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang Dipertua, mengenai soalan:

- (a) Adalah jelas dan memang benar bahawa Amerika Syarikat dan Israel telah dengan terang-terang menentang diadakan Persidangan Antarabangsa mengenai soal Palestin yang dianjurkan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Amerika Syarikat telah berusaha dengan

menggesa negara-negara tertentu, terutamanya Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah dan lain-lain negara supaya tidak menghadiri persidangan ini. Formula yang terkandung dalam Program Tindakan Kuala Lumpur telah mengemukakan satu rancangan yang boleh diterima umum dan boleh dilaksanakan bagi mencari penyelesaian terhadap masalah ini.

Persidangan ini walaupun menghadapi tentangan dari Amerika Syarikat dan Israel telah berjaya mendapat penyertaan yang meluas dengan dihadiri oleh 138 buah negara, termasuk PLO serta 20 buah negara sebagai pemerhati yang terdiri dari Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah, Australia, New Zealand, Jepun, Kanada dan beberapa negara Amerika Latin.

Tindakan Amerika Syarikat dan Israel ini tidak langsung mempengaruhi program tindakan yang tercapai di Persidangan Kuala Lumpur, malah seperti yang telah dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb November, 1983 ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, boleh dikatakan keseluruhan isi bahasa format dan pendekatan Program Tindakan Kuala Lumpur telah diterima dengan sebulat suara dan sekarang dikenali sebagai Program Tindakan Geneva.

- (b) Program Tindakan Geneva ini sekarang berada dengan Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang sedang berlangsung sekarang untuk dipertimbangkan. Dengan penerimaan 137 buah negara

dan pihak Pertubuhan Pembebasan Palestin sendiri, sudah pastilah dengan suara yang terbanyak ini dan penerimaan sebulat suara terhadap Program Tindakan Geneva ini, program ini akan diterima oleh Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu. Sehingga hari ini Amerika Syarikat tidak membuat apa-apa bantahan terhadap Program Tindakan Geneva ini. Langkah-langkah pelaksanaan berikutnya selepas Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu ini akan bergantung pada keputusan yang dibuat oleh perhimpunan ini.

- (c) Soal Amerika Syarikat dan Israel mempengaruhi masyarakat antarabangsa di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu tidaklah timbul kerana lebih daripada  $\frac{3}{4}$  masyarakat antarabangsa sekarang menyokong Program Tindakan ini. Apa yang harus dilakukan oleh Amerika Syarikat ialah mereka hendaklah mengkaji Program Tindakan ini dengan mendalam dan menghadapi kebenaran.

Amerika syarikat dalam hubungan ini tidak boleh mengenegipkan kehendak masyarakat antarabangsa yang cintakan kedamaian dan keselamatan dunia dan yang pentingnya Program Tindakan Geneva ini telah bersetuju akan mewujudkan dua buah negara iaitu negara Palestin dan Israel dengan mempunyai sempadan yang selamat dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**  
Soalan tambahan. Tuan yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah menerangkan bahawa nampaknya

Amerika Syarikat telah gagal kerana  $\frac{3}{4}$  atau 75% daripada masyarakat Bangsa-bangsa Bersatu telah menentang usaha-usaha Amerika ini. Melihatkan kegagalan ini, adakah Amerika Syarikat akan meneruskan usahanya untuk mencari jalan menghalang ke arah pencapaian Program Tindakan Geneva.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, sebarang penyelesaian mengenai soal Palestin ini perlu kerjasama dan sokongan oleh semua kuasa-kuasa besar dalam dunia ini. Oleh sebab itu, saya rasa tumpuan kita adalah terhadap menyakinkan Amerika Syarikat supaya menerima formula yang telah dipersetujui ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri setelah dua keputusan iaitu Pengisytiharan Kuala Lumpur dan juga keputusan Geneva yang diadakan baru-baru ini, bagaimanakah tindakan selanjutnya dalam melaksanakan keputusan ini, misalnya mewujudkan dua negara di Isra'el dan juga apakah mereka atau negara-negara yang berkenaan bagitu bersimpati dengan keputusan ini dan cuba hendak menyelesaikan di antara mereka sendiri.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan formula yang telah dicapai di Geneva ini akan diserahkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk dilaksanakan dan sekarang ini perkara ini sedang pun diperbincangkan di Pertubuhan tersebut. Dengan adanya sokongan lebih dari  $\frac{3}{4}$  masyarakat ataupun negara-negara antarabangsa ini kita yakin kita dapat meyakinkan negara-negara yang tidak menyokong itu supaya mengikuti serta untuk menjayakan formula ini.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Luar Negeri tadi ada mengatakan bahawa Amerika memang menghalang usaha-usaha persidangan kita di Kuala Lumpur dan di dalam jawapan beliau tadi juga mengatakan kita mesti mendapat sokongan daripada kuasa besar khasnya Amerika.

Saya ingin tahu sejauh manakah Kerajaan kita bertindak menghubungi Kedutaan Amerika yang ada di Kuala Lumpur ini untuk mendapat kepastian daripada Kerajaan Amerika Syarikat mengapa Kerajaan Amerika Syarikat bertindak seperti itu dan apakah langkah-langkah kita untuk dapat sokongan daripada Kerajaan Amerika bagi meneruskan tujuan kita yang baik ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, Amerika Syarikat pada mulanya meragui dan mencurigai bahawa ada kemungkinan persidangan itu akan digunakan untuk maksud propaganda dan sebagainya dan tidak akan membawa kesan-kesan yang baik dan kita telah juga menghubungi, Menteri Luar Negeri sendiri telah menghubungi pihak Amerika Syarikat untuk meyakinkan mereka bahawa tujuan diadakan persidangan antarabangsa ini adalah untuk mencapai suatu formula yang dapat diterima oleh semua. Tetapi apabila formula itu sekarang sudahpun dicapai dan ianya dapat sokongan hampir  $\frac{3}{4}$  dari masyarakat antarabangsa, sebagaimana yang telah saya nyatakan maka sekarang ini kita akan berusaha dan kita yakin dapat memujuk pihak Amerika Syarikat untuk menerima formula ini kerana formula ini jelaskan suatu formula yang praktikel dan boleh dilaksanakan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Justine Jinguut. Tidak hadir.

(Soalan No. 3 Y. B. Tuan Justine Jinggut tidak hadir).

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang, tidak hadir.

Soalan No. 4 Y. B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).

### KEMALANGAN DI JALANRAYA SEMENANJUNG MALAYSIA

5. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah kemalangan di jalanraya Semenanjung Malaysia dan jumlah kematian dalam tahun 1980, 1981, 1982 dan 6 bulan pertama 1983, yang disebabkan oleh:

- (a) Motosikal;
- (b) Motokar;
- (c) Bas; dan
- (d) Lori dan kenderaan-kenderaan berat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, jumlah

Kenderaan	1980	1981	1982	1983 (sehingga bulan Jun)
(a) Motosikal .. ..	697	703	780	400
(b) Motokar dan bas termasuk teksi ..	507	400	523	279
(c) Lori dan kenderaan-kenderaan berat yang lain .. .. .	61	29	39	32
<b>JUMLAH: ..</b>	<b>1,265</b>	<b>1,132</b>	<b>1,342</b>	<b>711</b>

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada perangkaan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi jelas menunjukkan bahawa kebanyakan kemalangan di jalanraya berlaku adalah melibatkan penunggang motosikal.

kemalangan jalanraya di Semenanjung Malaysia bagi tahun-tahun yang berkenaan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kemalangan
1980	59,084
1981	58,768
1982	68,330
1983 (sehingga akhir bulan Jun)	35,961

Mengenai angka-angka kematian yang disebabkan oleh jenis-jenis kenderaan yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sukar untuk memberi angka-angka yang tepat oleh kerana pada kebiasaannya satu-satu kemalangan atau kematian itu adalah disebabkan oleh lebih daripada satu jenis kenderaan, misalnya di antara motosikal dengan lori ataupun di antara motokar dengan bas dan sebagainya. Namun begitu dari rekod yang disimpan oleh Polis Di Raja Malaysia angka-angka kematian yang disebabkan oleh jenis-jenis kenderaan tertentu adalah seperti di bawah ini:

Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan bagi mengurangkan jumlah kemalangan motosikal ini dan sama ada langkah-langkah mengetatkan syarat-syarat pengeluaran lesen memandu motosikal yang diambil

pada masa yang lepas telah tidak mendaratkan hasilnya dan kalau benar, apakah langkah-langkah selanjutnya yang khusus diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, memanglah menjadi dasar Kementerian dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan bahawa sebelum pemandu-pemandu motosikal diberi lesen yang penuh iaitu bukan lesen provisional, maka mereka mestilah mengetahui undang-undang dan juga menjalani suatu peperiksaan yang begitu ketat agar mereka tidak akan melakukan kesalahan-kesalahan dan juga mereka sebenarnya dapat mengawal kenderaan apabila memandu.

Selain daripada itu, undang-undang yang telah pun dikeluarkan bagi motosikal, iaitu memastikan penunggang-penunggang memakai topi keledar, bermaknalah bahawa ini juga adalah untuk menjaga keselamatan mereka yang berkenaan dan Kementerian sentiasa mengawasi perkara ini agar kemalangan-kemalangan yang berlaku setiap tahun terutama sekali disebabkan oleh pemandu-pemandu motosikal dapat dikurangkan dengan beberapa jenis kempen yang diadakan, iaitu khas berkaitan dengan Kempen keselamatan Jalanraya.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi kita dengar Timbalan Menteri telah menerangkan bahawasanya ada 61 kes kenderaan berat. Saya suka mendapat penjelasan, adakah kenderaan-kenderaan berat tadi termasuk sama keretapi. Kalau tidak masuk, berapakah kemalangan berlaku sejak masa yang sama ataupun dalam masa tahun ini sahaja iaitu kemalangan bagi keretapi.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, angka 61 bagi tahun 1980 tidak termasuk angka disebabkan kemalangan keretapi dan semua angka yang telah saya beri adalah kemalangan yang berlaku di jalanraya dan pada masa ini saya tidak ada angka untuk kemalangan keretapi, jadi saya mohon notis.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan jumlah kemalangan-kemalangan jalanraya di Semenanjung ini yang disebabkan oleh kenderaan-kenderaan berat, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pengangkutan berapa banyakkah kemalangan-kemalangan dan juga kematian disebabkan oleh kenderaan berat iaitu cara dengan izin, hit and run dan . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Cuba terjemahkan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Langgar dan lari . . . . . (*Ketawa*) dan apakah tindakan-tindakan Kementerian ini berhubung dengan masalah-masalah pemandu-pemandu yang cara langgar dan lari.

**Tuan Yang Dipertua:** Bukan pukul dan lari (*Ketawa*).

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, pada masa ini pihak polis dan juga pihak Jabatan Pengangkutan Jalan tidak ada angka-angka berkenaan dengan perkara yang berlaku, iaitu langgar dan lari seperti kata Ahli Yang Berhormat itu, kerana apabila langgar dan lari tak dapatlah kita sebenarnya mengesan, (*Ketawa*) jadi itulah sebabnya tidak ada angka-angka. Namun begitu, kita mengambil perhatian yang begitu berat dan jika

didapati ada pihak-pihak yang berkenaan berbuat demikian maka pihak polis apabila mengesan akan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang berkenaan dan saya berharap bahawa melalui Dewan yang mulia ini semua pihak akan memberikan kerjasama agar kes-kes seperti ini dapat dibawa kepada pihak pengadilan dan begitu juga seperti yang telah saya nyatakan baru-baru ini dan juga ada Ahli Yang Berhormat telah menimbulkannya kita memerlukan kerjasama dan civic "consciousness" daripada semua rakyat yang ada dalam negara ini.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, dari angka-angka kemalangan jalanraya yang menyebabkan kematian yang direkodkan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, jika boleh dan jika ada angka-angka minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi tahu Dewan yang mulia ini berapakah jumlah kemalangan jalanraya yang menyebabkan kematian yang disebabkan oleh mabuk tuak, mabuk arak, ketagih dadah dan memakan pil-pil Roche. Jika kes-kes kemalangan jalanraya yang menyebabkan kematian disebabkan oleh mabuk dan dadah serta memakan pil Roche itu tinggi bilangannya, adakah Kerajaan akan menarik balik lesen-lesen memandu bagi pemandu-pemandu yang ketagih dadah dan kaki botol.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, dari angka-angka yang ada pada saya iaitu bagi tahun 1980 sejumlah 110 kemalangan atau merupakan 0.19% yang disebabkan dengan izin, intoxication ataupun pemandu-pemandu yang dipengaruhi oleh dadah tadi ataupun mabuk, dan bagi tahun 1981 sebanyak 83 ataupun 0.14%. Di dalam Sistem KEJARA ataupun Sistem Keselamatan Jalan Raya yang akan

berkuatkuasa mulai awal tahun hadapan, mereka yang didapati dipengaruhi oleh dadah ataupun yang mabuk apabila membawa kereta akan dikenakan markah yang maksima supaya lesen mereka digantung buat 3 bulan ataupun selanjutnya.

## KUOTA PENGELUARAN DAUN TEMBAKAU KERING

**6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah dasar atau syarat-syarat pembahagian quota oleh Lembaga Tembakau Negara terhadap Syarikat-syarikat perusahaan Pengawetan tembakau daun hijau. Berapa banyak quota yang telah diagihkan kepada tiap-tiap negeri di seluruh negara bagi tahun 1982. Nyatakan bilangan pengawet dan barn yang berlesen pada tahun yang sama, mengikut negeri-negeri, dan berapakah jumlah nilai wang hasil daripada pengeluaran/penjualan daun tembakau yang tersebut.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin haji Ulis):** Tuan Yang Dipertua, jumlah kuota pengeluaran daun tembakau kering yang akan diagihkan kepada semua syarikat pengawet adalah berasaskan kepada jumlah permintaan yang diterima dari pengilang-pengilang rokok. Lembaga Tembakau Negara akan mengagihkan kuota tersebut kepada tiap-tiap syarikat pengawet berasaskan kepada prestasi pengawetnya di tahun-tahun yang lepas dan juga berasaskan kepada keupayaan syarikat-syarikat tersebut dari segi kewangan, pengurusan padang, pengurusan stesyen, pengurusan kakitangan dan keupayaan barn yang dimilikinya.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan jumlah kuota yang diagihkan mengikut negeri oleh Lembaga

Tembakau Negara dalam tahun 1982 adalah seperti berikut:

(i) Kelantan .. ..	6,436,050 kg.
(ii) Terengganu .. ..	2,131,232 kg.
(iii) Pahang .. ..	279,751 kg.
(iv) Melaka .. ..	179,850 kg.
(v) Negeri Sembilan ..	12,100 kg.
(vi) Johor .. ..	29,700 kg.
(vii) Kedah .. ..	412,705 kg.
(viii) Perlis .. ..	245,060 kg.
	<hr/>
	9,726,488 kg.

Bilangan pengawet-pengawet dan barn yang berlesen mengikut negeri bagi tahun 1982 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Pengawet</i>	<i>Bilangan Rumah Awet</i>
(i) Kelantan ..	184	3,359
(ii) Terengganu ..	100	1,101
(iii) Kedah ..	26	235
(iv) Perlis ..	16	151
(v) Melaka ..	11	126
(vi) Negeri Sembilan	1	6
(vii) Johor Barat ..	2	25
(viii) Pahang ..	15	176
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH ..	355	5,179

Sebanyak 9.58 juta kg. daun kering yang bernilai lebih kurang \$115 juta telah dikeluarkan di dalam tahun 1982.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama apakah sebab kuota-kuota pembelian daun tembakau oleh kilang-kilang ini makin berkurangan, misalnya, tahun 1982 yang disebut tadi sebanyak 9.5 juta kg. dan kemungkinan pada tahun akan datang kurang lagi kepada 8.2 juta kg. sebagaimana kenyataan yang

dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan. Adakah benar bahawa kita masih lagi mengimport rokok sebanyak 14% daripada luar negeri dan juga masih lagi mengimport 40% tembakau American blend dengan izin, daripada negara luar dan apakah Kementerian bercadang untuk memansuhkan ataupun mengurangkan kemasukan ini supaya dapat menambahkan kuota kepada perusahaan tembakau pada masa akan datang.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum quota tembakau bagi tahun 1984 yang diagihkan kepada pengawet-pengawet tembakau telah merosot sebanyak 13% berikutan daripada pasaran rokok yang telah mengalami kemerosotan sebanyak lebih kurang 12% dalam tahun 1983 ini.

Kemerosotan ini adalah disebabkan khusus oleh kenaikan harga rokok dan juga kemerosotan ekonomi dunia di samping sedikit sebanyak kesan kempen anti merokok.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu pengembangan di dalam pasaran rokok aduan Amerika yang berlaku pada saat-saat akhir ini juga telah menyebabkan permintaan-permintaan dari pengilang-pengilang rokok ke atas tembakau Virginia awetan pemanas berkurangan. Ini adalah disebabkan oleh kerana rokok-rokok adunan Amerika yang dikeluarkan di negara kita pada masa ini hanya mengandungi lebih kurang 3.7% tembakau tempatan.

Walau bagaimanapun mulai tahun hadapan dijangka pengilang-pengilang rokok tempatan akan mulai menggunakan tembakau tempatan di dalam rokok-rokok adunan Amerika yang mereka keluarkan seterusnya meningkatkan penggunaan dari masa ke semasa sehingga menjadi 25% ke 30% menjelang tahun 1985 dan 1986.

Memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk menentukan supaya penggunaan tembakau tempatan sentiasa bertambah. Dan sebagaimana saya sebutkan dalam Dewan ini semasa mengguling hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan mengenai belanjawan, saya telah sebutkan beberapa langkah-langkah yang tertentu supaya dapat kita mengambil tindakan ke arah penggunaan lebih banyak lagi tembakau-tembakau tempatan untuk pengilangan rokok-rokok dibuat di negara kita ini.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa tembakau daripada luar negeri dimasukkan ke negara kita ini. Soalan saya adakah tembakau-tembakau dari negara ini kurang mutunya?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, memanglah pada mulanya apabila kita mengorak langkah untuk mewujudkan kilang-kilang membuat rokok di negara kita ini kita dapati tembakau kita boleh dipakai, tetapi kita memerlukan adunan tembakau-tembakau yang diimport daripada luar negeri. Tetapi memanglah menjadi usaha kita, usaha Kerajaan bertindak untuk menentukan supaya quality tembakau yang kita hasilkan akan dapat menyaingi tembakau yang diimport supaya sedikit demi sedikit kita akan dapat menggunakan lebih banyak lagi tembakau tempatan.

Pada masa ini dasar Kerajaan ialah tiap-tiap tahun kita menambahkan sebanyak 2% daripada tembakau tempatan itu dari tahun ke tahun supaya kita dapat terus memperbanyakkan penggunaan tembakau tempatan dalam pengilangan rokok itu.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkembangan perusahaan tembakau di negara kita ini akan dimajukan terus, ataupun dipertahankan kerana memandangkan kepada bahaya menghisap rokok dan gerakan Kerajaan sendiri menjalankan kempen anti merokok.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Kementerian saya tidak menggalakkan orang merokok, tetapi menggalakkan orang menanam. (*Ketawa*)

**Tuan Yang Dipertua:** Tembakau.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tembakau bukan menanam rokok (*Ketawa*). Walau bagaimanapun penyalaraan sentiasa dibuat. Malahan Kementerian saya sentiasa mengarah pihak Lembaga Tembakau Negara untuk mendapat maklumat-maklumat tertentu hasil daripada kempen anti merokok.

Dan sekiranya setelah didapati bahawa ini menyebabkan permintaan kurang untuk rokok maka kita terpaksa mengambil penitkberatan yang lebih terhadap kesihatan daripada penghisapan rokok.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Adakah pembahagian quota kepada pengawet-pengawet khususnya di negeri Kelantan yang sebanyak 184 pengawet itu berbeza daripada setahun ke setahun.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Boleh saya minta ulangan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Adakah pembahagian quota kepada pengawet-pengawet

khususnya bagi negeri Kelantan itu berbeza dari setahun ke setahun.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, memanglah berbeza, sebab sebagaimana saya sebutkan tadi, ini berasaskan kepada permintaan daripada pengilang-pengilang. Tetapi tidak bermakna bahawa kepada negeri Kelantan sahaja yang berbeza, kepada negeri-negeri lain pun berbeza, kerana asasnya ialah permintaan daripada pengilang-pengilang dan penggunaan yang diperlukan oleh mereka.

#### TUGAS BOT RONDA POLIS MARIN

**7. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tugas Bot-bot Ronda Polis Laut; dan
- (b) bilangan kes yang melibatkan kapal-kapal asing berbanding dengan bot-bot nelayan bagi tempoh 1982 hingga September 1983.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat tentang tugas bot Ronda Polis Marin termasuklah:

- (1) Memberi perlindungan keselamatan kepada penduduk-penduduk di persisiran pantai, kampung atau pulau yang tidak dapat dihubungi oleh jalanraya.
- (2) Menjalankan rondaan di kawasan-kawasan pelabuhan, di kuala Sungai, di persisiran pantai serta pulau-pulau untuk menguatkuasakan undang-undang bagi memelihara ketenteraman awam.
- (3) Memberi bantuan kecemasan kepada kapal dan bot di perairan Malaysia.

(4) Membekalkan kemudahan pengangkutan kepada anggota dan logistik polis yang tidak ada kemudahan jalanraya.

(5) Membantu jabatan atau agensi-agensi Kerajaan dalam penguatkuasaan undang-undang yang memperuntukkan kuasa kepada pihak polis.

Bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum. Walau bagaimanapun sukalah saya memaklumkan bahawa sejak bulan Ogos, 1982 sehingga bulan September 1983 pihak polis telah berjaya membuat 37 tangkapan ke atas kapal dan bot asing kerana melakukan kesalahan-kesalahan di perairan kita.

Dalam tempoh yang sama juga sebanyak 1,181 tangkapan telah dibuat ke atas kapal atau bot tempatan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berkenaan dengan rondaan bot Polis Laut ini. Memandangkan dalam musim tengkujuh iaitu musimnya sekarang lebih kurang, di Pantai Timur terdapat ramai nelayan-nelayan asing terutamanya daripada Thailand yang menceroboh perairan kita dan setengahnya mendarat di pulau kita, misalnya di Pulau Redang dalam kawasan saya dan juga biasanya pada musim tengkujuh juga terdapat begitu ramai pendatang-pendatang haram yang masuk ke negara kita dan mendarat di pantai kita termasuk di Pulau Bidor dalam kawasan saya juga.

Saya hendak bertanya, adakah pada musim tengkujuh macam ini rondaan laut ada dibuat? Jika tidak ada, mengapakah tidak ada, dan adakah ini yang menjadi puncanya dan berapa ramai pada musim ini datang-pendatang haram datang ke negara kita dan menimbulkan masalah.

Bilakah agaknya Pengkalan Polis Laut di Pulau Redang yang telah lama tergendala itu akan dilaksanakan?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, sekiranya terdapat mana-mana pencerobohan oleh sesiapa sekali pun maka pihak Polis Marin tidak akan berdiam diri. Dan dalam musim tengkujuh ini pun kami meneruskan pelaksanaan tugas kami.

Kami ada mempunyai bot-bot yang bersesuaian dengan keadaan masa.

Berhubung dengan soalan yang kedua yakni mengenai pengkalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, pihak kami akan menjalankan tugas kami dengan melaksanakan sesuatu yang bersesuaian dengan keadaan yang wujud pada masa ini.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, pada pertengahan tahun 1983 sebuah akhbar tempatan telah melaporkan serta mengeluarkan satu rencana berkenaan dengan gambar-gambar yang menunjukkan pencerobohan kapal-kapal asing di perairan negara kita iaitu di Selat Melaka. Soalnya ialah adakah Kerajaan menganggap perkara ini sebagai satu yang berat dan serius dan jika ya, bagaimanakah langkah yang lebih berkesan dapat diambil oleh Kerajaan bagi melindungi keselamatan negara kita juga nelayan dan juga pengguna-pengguna laut di kawasan negara kita.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan sekejap tadi bahawa pihak Polis Marin dan pihak Navy kita sentiasa menjalankan tugas masing-masing dan suka saya mengatakan, bahawa pihak kami tidak sekali-kali berdiam diri, sejak Ogos, 1982 sehingga September 1983, kapal-kapal dan bot asing yang telah kami tangkap adalah tidak kurang daripada 37 buah.

Ini membuktikan serius atau tidaknya kami, terhadap perkara-perkara yang semacam ini.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Soalan Tambahan. Oleh sebab wujudnya kes-kes yang mana nelayan-nelayan dikenakan denda sebanyak \$250 bagi setiap orang nelayan kerana tidak membawa Kad Pengenalan ke laut, sama ada Kementerian beliau bercadang melonggarkan syarat-syarat membawa Kad Pengenalan bagi kaum nelayan apabila berada di laut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada seluruh rakyat bahawa Kad Pengenalan itu adalah satu dokumen identiti seseorang dan dokumen ini memang penting dan perlu berada bersekali dengan setiap individu. Jadi kita berharap sama ada seorang itu nelayan atau sesiapa juga mestilah bersama-sama membawa Kad Pengenalan kepunyaannya sendiri.

## PENCEN BALU

**8. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop** Majlis minta Perdana Menteri:

- (a) adakah rancangan Kerajaan untuk meminda dasar penarikan balik pencen balu-baluk akibat dari mereka berkahwin semula, sedangkan perkahwinan mereka kali kedua ini belum tentu dapat menjamin kehidupan mereka, lebih-lebih lagi kepada anak-anak yatim yang ditinggalkan oleh bapa mereka yang masih dalam pemeliharaan. Ini di atas pertimbangan kemanusiaan; dan
- (b) adakah penarikan balik pencen balu ini akibat perkahwinan kedua dapat disambung semula sekiranya berlaku perpisahan pula dengan suaminya sama ada bercerai hidup atau mati.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, untuk jawapan kepada pertanyaan (a) Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar bagi pembayaran pencen terbitan yang berkuatkuasa. Pencen terbitan yang dibayar kepada seseorang balu atau duda itu adalah terhenti dengan serta merta selepas berkahwin lagi. Walau bagaimanapun, perkahwinan lagi seseorang balu atau duda yang menerima pencen terbitan itu tidak menjejaskan bayaran pencen terbitan kepada anak-anak hasil perkahwinan asal dengan seorang pegawai berpencen semasa perkhidmatannya yang memberi kelayakan pencen terbitan kepada anak-anaknya itu sehingga berumur 21 tahun atau jika anak perempuan, apabila berkahwin mengikut yang mana yang lebih dahulu.

Jawatan kepada soalan (b), tidak. Pencen terbitan yang terhenti oleh kerana perkahwinan balu tidak dipulihkan semula selepas perpisahan dengan suami yang keduanya, sama ada bercerai atau mati. Nasibnya samalah seperti perceraian yang menimpa seorang isteri pegawai sebelum persaraannya.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, saya sedikit keliru di sini mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi yang mengatakan bahawa janda dan duda dia kahwin lagi pencennya itu terhenti. Apa yang kita difahamkan ialah kalau seorang lelaki, dia terima pencen kerana isterinya mati dan apabila dia kahwin balik semula dia terus menikmati pencen daripada isterinya yang mati tetapi sebaliknya kepada orang perempuan, selepas kematian suaminya kalau dia kahwin semula pencennya habis setakat itu sahaja. Jadi saya berkehendakkan penjelasan tentang yang mana betul sama ada orang lelaki

terus dapat pencen daripada isterinya yang meninggal atau tidak? Itu soalan pertama.

Yang kedua, kalau sangkaan saya ini benar, maka tepatlah seperti apa yang dikatakan oleh pihak golongan daripada Women's Lib. iaitu dasar itu direka oleh golongan-golongan apa yang dinamakan MCP (Male Chauvinist Pigs). Dan kalau keadaan ini betul berlaku adakah kita hendak memberikan yang betul-betul keadilan, sekarang inipun adil tetapi saya katakan sekarang ini lebih adil kepada lelaki dari kepada perempuan. Jadi adakah usaha hendak betulkan keadaan ini supaya betul-betul ada dalam ertikata yang sebenarnya?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, jika seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi betul, kita akan memperbetulkan.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi menyatakan bahawa pencen terbitan ini boleh didapati kepada balu dan anak-anak. Sekiranya balu itu ada mempunyai anak dia berkahwin lain maka pencen terbitan itu bolehlah diserapkan kepada anak, ditambahkan kepada pendapat anak itu.

Yang kedua, bagaimana sahabat saya dari Ulu Terengganu tadi menyatakan ini adalah ciptaan daripada firman bahawa mengikut kehendak ugama Islam dan kehendak fitrah manusia, setiap suami yang sudah pergi dan tinggalkan janda itu pastilah dia kahwin lagi kerana kehendak-kehendak batinnya. (Ketawa) Jadi kerana tak dapat wang itu balik dia tak jadi kahwin dan berjahat pula. Bagaimanakah kedudukan perkara ini? Adakah hendak dipertimbangkan balik? (Ketawa)

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, sungguhpun apabila seseorang balu berkahwin semula, pencen yang diterimanya itu diterhentikan dengan cara otomatis, tetapi anak-anaknya seperti mana yang saya terangkan tadi, jika sebelum berumur 21 tahun dan jika perempuan sebelum lagi berkahwin layak menerima dan jika wang yang diterima oleh balu tadi dipindahkan untuk dibahagi-bahagikan kepada anak-anaknya, memang itu ditetapkan dalam peruntukan yang ada sekarang.

Untuk menjawab soalan yang kedua, seperti mana yang saya terangkan tadi, jika seorang balu itu telah berkahwin dan kemudiannya pula bercerai, maka tidaklah boleh dia mendapat balik pencen asal ataupun pencen daripada suami yang pertama, tetapi jika suaminya yang kedua itu meninggal dan beliau seorang pegawai Kerajaan yang berpencen, maka dia adalah layak menerima pencen suaminya yang kedua itu.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dasar pencen terbitan ini akan menggalakkan "perkahwinan sulit" untuk membolehkan terus menerima pencen?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, untuk mengawasi penipuan seperti mana yang didakwakan oleh Yang Berhormat tadi, tiap-tiap kali seseorang balu itu menerima waran di Pejabat Pos atau di Pejabat Daerah, dia dikehendaki menandatangani surat pengakuan diri yang mengakui bahawa dia belum berkahwin lagi. Jika didapati bahawa dia telah pun berkahwin lagi, tetapi masih lagi menerima wang pencen itu, tindakan akan diambil terhadapnya.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang Dipertua:** Silakan! (*Ketawa*)

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika seseorang pegawai ataupun seseorang Menteri kahwin tiga, bagaimanakah kedudukan pencennya tadi?

**Tuan Yang Dipertua:** Ha, itu dia. Madu tiga! (*Ketawa*)

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya mohon Yang Berhormat mengulang balik. (*Ketawa*)

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri jika sekiranya seseorang pegawai atau seorang Menteri kahwin tiga, bagaimanakah kedudukan pencen kepada isteri-isteri. Siapa yang dapat, siapa yang tidak dapat. (*Ketawa*)

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, pencen ini diberi apabila seorang itu meninggalkan dan jika seorang Menteri itu meninggal dan meninggal tiga isterinya maka dia akan dibahagikan mengikut faraid.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng, tidak hadir.

(*Soalan No. 9 Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir.*)

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming, tidak hadir.

(*Soalan No. 10 Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming tidak hadir.*)

## LAYANAN SHEIKH HAJI DI MEKAH

**11. Wan Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh LUTH terhadap layanan yang berbeza-beza di antara syeikh-syeikh kepada jemaah haji kita mengenai tempat tinggal dan lain-lain layanan semasa musim haji dan nyatakan setakat manakah keberkesanan khidmat pegawai-pegawai kebajikan yang diambil dari kalangan pelajar-pelajar kita di Mekah dan Madinah.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada soalan bahagian pertama telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 21hb November, 1983 apabila menjawab soalan Ahli pada 21hb November, 1983 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Dengan itu saya mohon izin untuk menjawab soalan bahagian kedua sahaja.

Tuan Yang Dipertua, perkhidmatan pelajar-pelajar kita ketika musim haji ialah untuk memberikan khidmat sokongan kepada pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Mekah dan Madinah. Khidmat mereka telah memberi kesan yang baik dalam melicinkan lagi urusan kerja pentadbiran rombongan haji di sini. Dalam tahun 1982 seramai 20 orang pelajar Malaysia di Madinah dan Mekah telah diambil bertugas dengan rombongan haji. Disebabkan mereka tahu selok-selok bandar Mekah dan Madinah dan kedudukan rumah-rumah dalil dan sheikh haji serta boleh berbahasa Arab maka didapati perkhidmatan mereka adalah memuaskan. Dengan sebab itu dalam musim haji yang baru lalu bilangan mereka untuk bertugas dengan Tabung Haji telah ditambah kepada 30 orang dan mereka telah diberi tugas

untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan jemaah haji telefon, bertugas di kaunter pertanyaan, meronda ke tempat tinggal jemaah haji serta membantu rombongan kebajikan dan rombongan perubatan dalam hubungan mereka dengan dalil ataupun sheikh haji ataupun dengan hospital Arab.

**Tuan Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya amat gembira sekali bahawa apa yang diberitahu oleh Timbalan Menteri yang berkenaan baru sekejap tadi bahawa peranan pelajar-pelajar kita di Mekah dan Madinah telah pun memainkan peranan yang berkesan dalam menyelesaikan masalah kebajikan orang-orang haji, tetapi musim haji yang lepas kita diberitahu melalui akhbar bahawa ada sebilangan jemaah haji kita, kalau tidak silap saya seramai enam orang yang hilang dan sampai hari ini tidak diketahui bagaimana sudah berjumpa ataupun tidak. Jadi, apakah berkesan itu dari segi mana dan yang hilang enam orang itu bagaimanakah nasib mereka sehingga hari ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, usaha-usaha masih lagi dijalankan untuk mencari mereka yang telah pun dilapor hilang itu. Tetapi ini tidaklah kena dengan perkhidmatan yang diberi oleh penuntut-penuntut kita yang telah pun diambil berkhidmat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Mekah.

## UNIVERSITI SWASTA— PENUBUHAN

**12. Tuan Ban Hong Keong** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) memandangkan perbelanjaan yang amat besar yang dikehendaki dibiayai oleh penuntut-penuntut negara kita di seberang laut, adakah pihak

Kerajaan bercadang supaya Universiti swasta boleh dibenarkan di negara kita untuk menjimatkan perbelanjaan negara kita; dan

- (b) adakah pihak Kerajaan merancang membina Universiti yang ketujuh di kawasan Parlimen Batu Gajah ataupun negeri Perak, memandangkan negeri Perak adalah sebuah negeri yang menyumbangkan terbanyak sekali cukai kepada pihak Kerajaan pusat kerana kekayaan timahnya sejak 80 tahun dahulu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamad Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab bahagian (a), buat masa ini Kerajaan tidak membenarkan penubuhan universiti swasta di negara ini. Kerajaan sedar terhadap perbelanjaan yang besar yang terpaksa ditanggung oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri. Oleh itu Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambahkan lagi peluang pelajaran tinggi di dalam negeri.

Dalam hubungan ini universiti-universiti tempatan yang sedia ada telah diarah untuk memperluaskan lagi bilangan tempat pada masa hadapan. Sambil itu adalah menjadi harapan Kerajaan apabila tertubuhnya universiti keenam nanti, masalah kekurangan tempat di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan akan berkurangan.

Bagi menjawab bahagian (b), sekatan ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan universiti ketujuh di negara ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang. Tidak hadir.

(Soalan No. 13 Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).

## PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI)

**14. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah peringkat kemajuan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dari segi Fizikal, kakitangan dan Penyediaan reaktor;
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang sedia ada dan yang akan diadakan di pusat ini boleh meyakinkan kawasan sekeliling kerana keadaan alam sekeliling negara kita adalah berlainan dari negara di mana Pegawai dan kakitangan pusat ini mendapat latihan;
- (c) setakat ini bagaimanakah perjanjian pembelian reaktor kita. Adakah reaktor berkenaan sampai mengikut sepertimana di dalam perjanjian pembelian; dan
- (d) berapa kalikah Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan mengenai Tenaga Nuklear mengadakan mesyuarat dalam tahun 1982 dan 1983 dan apakah pandangan Jawatankuasa ini mengenai Keselamatan Reaktor negara kita.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada soalan bahagian pertama telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 17hb November, 1983 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Baling. Dengan itu saya memohon izin untuk menjawab soalan-soalan selanjutnya.

Berhubung dengan keselamatan kakitangan, orang awam dan alam sekitar, ingin saya memaklumkan bahawa perkara ini sentiasa diawasi oleh kakitangan PUSPATI yang terlibat. Peraturan-peraturan

keselamatan yang disediakan oleh PUSPATI adalah berdasarkan kepada piawaian-piawaian keselamatan yang diterima di peringkat antarabangsa. Peraturan-peraturan tersebut diubahsuai mengikut keperluan dan keadaan di PUSPATI. Kawalan yang dilaksanakan di PUSPATI terbahagi kepada dua peringkat:

Satu, kawalan di dalam kawasan PUSPATI, dan

Dua, pengawasan kawalan di persekitaran PUSPATI.

Sebagai langkah yang pertama menjaga keselamatan makmal-makmal dan tempat-tempat kerja di PUSPATI direkabentuk dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan yang diperlukan. Makmal dan tempat kerja dibahagikan kepada beberapa jenis yang tertentu seperti makmal serta kawasan aktif, makmal tidak aktif, makmal bahan toxid dan sebagainya. Apabila makmal ini digunakan, pengawasan dijalankan setiap masa yang tertentu bagi memastikan bahawa paras sinaran, cecaran dan sebagainya tidak melebihi had-had yang ditentukan.

Keselamatan kakitangan sentiasa diawasi dengan menggunakan alat-alat pengawasan sinaran peribadi dan pakaian-pakaian perlindungan yang bersesuaian.

Bagi memastikan kegiatan-kegiatan di PUSPATI tidak mendatangkan kesan buruk kepada orang awam dan alam sekitar, satu program pengawasan alam sekitar telah dilaksanakan semenjak tahun 1980. Kawasan-kawasan yang termasuk dalam program ini adalah dalam lingkungan 10 kilometer dari PUSPATI. Contoh-contoh alam sekitar seperti air sungai, air hujan, tanah, tumbuh-tumbuh dan hidupan di dalam sungai dianalisa untuk menentukan kandungan bahan radioactive. Melalui program ini

PUSPATI telah dapat memastikan bahawa cecaran tidak berlaku akibat daripada kegiatan PUSPATI.

Perjanjian pembelian reaktor dengan Syarikat General Atomic United States of Amerika telah ditandatangani dalam tahun 1976. Semua peralatan yang dibeli dan yang diperlukan oleh reaktor tersebut termasuk beberapa bahan ganti khas telah diterima. Reaktor tersebut telah beroperasi sejak bulan Jun 1982 dan ianya didapati menepati kehendak teknikal yang dipersetujui dalam perjanjian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan mengenai Tenaga Nuklear telah bermesyuarat dua kali dalam tahun 1982 iaitu pada 6hb Mac, 1982 dan 28hb Jun, 1983. Mesyuaratnya yang ketiga yang dijangkakan diadakan pada pertengahan tahun 1983 terpaksa ditunda disebabkan peralihan tugas mengenai hal ehwal tenaga dan kuasa Nuklear dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar pada Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, mesyuarat tersebut telah dapat diadakan pada 21hb November baru-baru ini. Reaktor PUSPATI telah beroperasi selama lebih satu tahun dan telah terbukti bahawa ianya boleh dikendalikan dengan selamat serta bermanfaat. Reaktor ini juga telah diperiksa oleh Pegawai Ajensi Tenaga Atom Antarabangsa sebanyak dua kali dan mereka berpuashati atas kesempurnaan yang dicapai dalam segi keselamatan, penyelenggaraan dan pengurusan reaktor tersebut. Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan mengenai Tenaga Nuklear berpuashati juga dengan keselamatan reaktor di PUSPATI.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dengan adanya Pusat

penyelidikan Atom (PUSPATI), apakah hasil yang boleh didapati daripada penyelidikan yang dijalankan dan dari segi ekonomi adakah hasil ini bermanfaat kepada negara. Dalam pembelian reaktor ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk membeli reaktor tersebut?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan yang Dipertua, untuk maklumat Yang Berhormat, reaktor yang terdapat di PUSPATI ini hanya berkuasa lebih kurang 1 megawatt sahaja kalau dibandingkan dengan kuasa yang dikehendaki untuk generator kuasa elektrik, umpamanya yang memerlukan kuasa lebih kurang 3,000 megawatt. Buat sementara waktu pusat ini hanya menjalankan kajian penyelidikan. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini jumlah kasar wang yang telah pun dibelanjakan ialah sebanyak \$36 juta.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 9, 10, dan 13 adalah diberi 2 di bawah ini):*

#### **DISPENSARY BERGERAK DI NANGA SUNGAI**

**3. Tuan Justine Jinggut** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan berkurangnya peruntukan kebanyakan daripada Dispensary Bergerak telahpun dikurangkan. Pada masa sekarang memang ada Dispensary di Nanga Sungai tetapi mereka tidak mampu untuk pergi ke Dispensary Nanga Sungai. Adakah Kementerian bercadang hendak menambahkan peruntukan ini, supaya penduduk-penduduk pendalaman dapat dirawat oleh Dispensary Bergerak ini.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):** Kementerian saya memang sedar tentang masalah kekurangan peruntukan yang dialami oleh Jabatan Kesihatan di Negeri Sarawak. Masalah seluruh negara mengalami masalah yang sama. Walau bagaimanapun, saya saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya telah pun mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk menentukan yang mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada penduduk-penduduk luar bandar di negeri itu tidak akan terjejas dan akan berterusan. Untuk maklumat Yang Berhormat, Peruntukan Tambahan sebanyak \$800,000 telahpun diberi kepada negeri Sarawak untuk menampung keperluan perjalanan kakitangan-kakitangan termasuklah pasukan-pasukan Dispensary Bergerak. Dengan itu, saya percaya, penduduk-penduduk pendalaman di Nanga Sungai akan terus mendapat perkhidmatan perubatan dan kesihatan daripada pasukan Dispensary Bergerak Kementerian ini.

#### **MINYAK DISEL DARIPADA KELAPASAWIT**

**4. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil penyelidikan hasil penyelidikan dan kajian ke dalam kemungkinan mengeluarkan minyak disel daripada minyak kelapasawit secara komersial.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Soalan ini telah dijawab semasa saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. dari Lambir pada 9-11-1983 di Dewan yang mulia ini.

#### **PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH DI NEGERI-NEGERI**

**9. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan

Tempatan memberitahu nama negeri-negeri yang setakat ini belum menggunakan dengan sepenuhnya peruntukan wang untuk perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, dan amaun wang yang masih belum digunakan oleh setiap negeri tersebut.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada peruntukan \$1,000 juta yang diberi untuk program perumahan awam kos rendah Kementerian saya telah diberi \$825 juta dan bakinya diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk program yang sama yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan oleh Dewan Bandaraya.

Berdasarkan kepada \$825 juta yang diperuntukan kepada Kementerian saya, jumlah kelulusan oleh Jawatankuasa teknikal bagi menimbangankan permohonan pinjaman untuk Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah bagi unit rumah untuk dijual terus, dan kelulusan Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Negeri bagi unit rumah yang akan disewa, telah melebihi peruntukan disediakan. Jumlah kelulusan ialah \$949,675,000.00

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan peruntukan yang diberi kepada tiap-tiap negeri dan jumlah kelulusan bagi negeri tersebut berdasarkan kepada \$825 juta adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Peruntukan (\$)</i>	<i>Jumlah Kelulusan (\$)</i>
Johor .. .. .	115,780,000	161,420,483
Kedah .. .. .	78,100,000	98,857,317
Kelantan .. .. .	40,100,000	41,057,049
Melaka .. .. .	76,200,000	58,972,374
Negeri Sembilan .. .. .	75,400,000	97,726,171
Pahang .. .. .	68,540,000	62,139,114
Perak .. .. .	85,540,000	99,448,291
Pulau Pinang .. .. .	37,300,000	61,007,864
Perlis .. .. .	13,400,000	19,736,188
Selangor .. .. .	105,980,000	124,292,009
Terengganu .. .. .	37,600,000	64,561,592
Sabah .. .. .	34,100,000	5,436,000
Sarawak .. .. .	57,100,000	55,020,549
	<hr/>	<hr/>
	825,000,000	949,675,001
	<hr/>	<hr/>

Sungguhpun dari angka yang saya sebutkan tadi, pada hakikatnya ada negeri-negeri yang masih mempunyai baki, iaitu Melaka, Pahang, Sabah dan Sarawak, tetapi dengan mengambil kira perbelanjaan dari Kumpulan

Wang Amanah mereka, Sarawak adalah dalam keadaan "over-committed". Seperti yang saya terangkan tadi, jumlah kelulusan telah melebihi peruntukan yang diberi. Oleh yang demikian, sungguhpun

pada hakikatnya negeri Melaka, Pahang dan Sabah masih mempunyai peruntukan, tetapi bagi projek-projek yang akan dijual, Jawatankuasa Teknikal tidak dapat meluluskan permohonan projek-projek negeri-negeri tersebut. Ini adalah kerana peruntukan mereka telah disalurkan kepada negeri-negeri yang telah mendapat kelulusan bagi projek-projek mereka melebihi peruntukan asal mereka. Perkara ini telah berlaku oleh kerana banyak projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga telah memerlukan pinjaman tambahan. Di samping itu, Kerajaan Negeri tertentu telah mempercepatkan pelaksanaan projeknya.

Memandangkan keadaan demikian, Kementerian ini telah memohon peruntukan tambahan untuk tahun 1983. Sungguhpun Kementerian saya tidak diberi sepenuhnya peruntukan yang dipohon, dengan tambahan yang diberi itu, jumlah peruntukan setakat 1983 ialah \$1,100 juta. Tambahan peruntukan ini tidak dibagi-bagikan mengikut negeri tetapi adalah digunakan untuk menimbangkan projek-projek yang sedia dilaksanakan. Berdasarkan peruntukan \$1,100 juta ini, setelah mengambil kira jumlah kelulusan sebanyak \$949,675,001.00, baki yang ada ialah \$150,324,999.00.

Walau bagaimanapun, memandangkan masih terdapat permohonan pinjaman tambahan bagi projek yang sedang berjalan, Kementerian saya perlulah memberi keutamaan kepada projek-projek tersebut. Pinjaman tambahan sering berlaku oleh sebab-sebab tertentu seperti harga tawaran yang berbeza dari kos anggaran projek, kos sambungan elektrik dari luar kawasan projek tidak dapat diberi kepada Kementerian serentak dengan permohonan pinjaman dari negeri-negeri dan kenaikan kos dalam bentuk perubahan kos (variation cost).

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah perbelanjaan bagi projek-projek yang telah diluluskan adalah jauh lebih kurang daripada jumlah kelulusan. Sebab utama ialah pinjaman yang diberi kepada negeri-negeri dikeluarkan berdasarkan kemajuan projek. Oleh itu jumlah perbelanjaan ialah b\$614,869,644.98. Baki yang ada jika berdasarkan peruntukan \$825 juta ialah \$210,130,355.00. Tetapi, berdasarkan \$1,100 juta, baki peruntukan yang belum dibelanjakan lagi ialah \$485,130,355.00.

Sungguhpun Kerajaan pada suatu masa dahulu telah bersetuju pada dasarnya memberi pinjaman tambahan atau "forward commitment", sebanyak \$2,000 juta, peruntukan ini belum diwujudkan. Memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi dan tindakan berjimat-cermat, hanya sebahagian kecil daripada peruntukan ini akan diwujudkan dalam tahun 1984 dan 1985. Walaupun bagi tahun 1984 sebanyak \$340 juta luluskan di Dewan ini hanya \$296,990,080 sahaja bagi Kementerian ini untuk menjalankan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

## EKSPORT DAN PENGELUARAN BARANGAN UTAMA

**10. Tuan Ling Sie Ming** meminta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada pengeluaran dan eksport bahan-bahan utama seperti kayu balak, getah, lada dan koko hingga bulan Ogos 1983 telah bertambah atau turun. Jikalau pengeluaran dan eksport bahan-bahan tersebut menurun, apa sebabnya dan apa tindakan Kerajaan akan ambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Hasil daripada pemulihan ekonomi dunia baru-baru ini, eksport dan

pengeluaran bagi beberapa barangan utama telah bertambah bagi tahun 1983 ini.

Bagi kayu balak, pengeluaran kayu balak bagi 6 bulan pertama 1983 berjumlah 16.1 juta meter padu, iaitu pertambahan sebanyak 17.8% berbanding dengan 13.7 juta meter padu bagi 6 bulan pertama pada tahun 1982. Ini adalah hasil daripada pertambahan pengeluaran oleh Semenanjung Malaysia sebanyak 43.1% sementara pengeluaran di Sarawak bertambah sebanyak 12.5% dan di Sabah sebanyak 1.7% dalam tempoh tersebut. Pengeluaran kayu bergaji juga telah bertambah sebanyak 14.6% daripada 2.96 juta meter padu bagi 6 bulan pertama 1982 kepada 3.39 juta meter padu pada 6 bulan pertama tahun ini. Pada keseluruhannya pengeluaran kayu balak dijangka akan bertambah sebanyak 5% iaitu 34.5 juta meter padu pada tahun ini berbanding dengan 32.9 juta meter padu bagi tahun 1982.

Bagi 6 bulan pertama 1983, eksport kayu balak berjumlah 9.13 juta meter padu, bertambah sebanyak 5.6% berbanding dengan 8.65 juta meter padu yang dieksport bagi 6 bulan pertama 1982. Ini adalah berpunca daripada peningkatan eksport dari Negeri Sabah hasil daripada pertambahan permintaan pasaran di Jepun dan lain-lain negara.

Eksport kayu bergaji bagi 6 bulan pertama 1983 berjumlah 1.6 juta meter padu menunjukkan pertambahan sebanyak 18.5% berbanding dengan 1.35 juta meter padu yang dieksport pada tempoh yang sama tahun 1982. Pertambahan ini adalah hasil daripada pertambahan permintaan dari negara-negara pengguna utama seperti Belanda, Republik Rakyat Yaman dan Emirat Arab Bersatu. Asia Barat yang merupakan pasaran utama kayu bergaji Malaysia, mengimport 221,304 meter padu bagi 6 bulan

pertama 1983 berbanding dengan 173,488 meter padu bagi tempoh yang sama pada tahun 1982. Bagi tahun 1983 keseluruhannya, eksport kayu balak dijangka bertambah 27.4% kepada 20.7 juta meter padu berbanding dengan 19.3 juta meter padu pada tahun 1982.

Bagi getah asli pula, pengeluaran getah asli Malaysia bagi tempoh Januari-Ogos 1983 berjumlah 951,022 tan metrik dan jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lepas merosot sebanyak 2.5%. Pengeluaran estet Semenanjung Malaysia merosot 7.5% manakala kebun kecil bertambah sedikit iaitu sebanyak 0.4%. Bagi Sabah dan Sarawak pengeluaran bertambah 2.9%. Kemerosotan pengeluaran getah asli disebabkan oleh musim kemarau yang berpanjangan dan teruk yang telah dialami dalam suku tahun pertama tahun ini. Bagi sektor estet pengurangan kawasan tanaman sejak beberapa tahun akibat daripada tanaman ke kelapa sawit dan koko juga memberi kesan kepada pengeluaran. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk meninggikan pengeluaran benih-benih yang tinggi, daya pengeluaran dan mutunya, mempertingkatkan usaha-usaha tanam semula di sektor kebun kecil dengan benih-benih yang baik, kajian-kajian bagi meninggikan hasil melalui institusi-intituti penyelidikan Kerajaan, pemindahan teknologi ke sektor pekebun kecil dan menyediakan saluran pemasaran yang sesuai sebagai satu insentif.

Bagi eksport getah asli pula jumlahnya telah meningkat 6.1% kepada 979,731 bagi tempoh Januari-Ogos 1983 disebabkan oleh bertambahnya permintaan getah asli hasil daripada pemulihan ekonomi dunia pada pertengahan tahun ini terutamanya dalam industri kenderaan.

Berkaitan dengan koko, adalah dianggarkan pengeluaran koko Malaysia keseluruhannya adalah bertambah bagi tempoh tersebut. Eksport koko dari Malaysia bagi tempoh Januari-Ogos 1983 bertambah 6.6% dari tempoh yang sama tahun sebelumnya kepada 38,044 tan metrik.

Bagi lada pula, pengeluaran dan eksport lada untuk tempoh bulan Januari hingga Ogos 1983 telah berkurangan berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pengeluaran lada telah turun sebanyak 6,450 tan metrik iaitu daripada 17,345 tan metrik kepada 10,895 tan metrik (37.2%). Eksport lada juga telah merosot daripada 17,245 tan metrik kepada 10,897 tan metrik (36.9%).

Harga yang merosot di samping kos pengeluaran yang kian meningkat adalah menjadi punca pengurangan pengeluaran ini. Eksport barangan tersebut telah merosot disebabkan oleh permintaan yang berkurangan daripada negara-negara pengimport dan keadaan ini bertambah buruk lagi kerana paras harga yang rendah di pasaran dunia.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan tersebut adalah melaksanakan Skim Subsidi lada hitam di Sarawak dan Skim Pembangunan Input Segera (Accelerated Input Development Scheme) di Johor di mana Kerajaan memberi peruntukan sebanyak \$286,000 untuk membiayai tanaman yang baru dan tanaman semula lada hitam. Melalui skim ini hasil pengeluaran lada akan dapat dipertingkatkan lagi.

Selain daripada itu, pihak Kementerian juga sedang berusaha untuk menstabilkan harga lada melalui Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Lada Hitam Antarabangsa (IPC) dengan melaksanakan Skim Harga Eksport Minima bagi lada hitam.

Usaha-usaha juga akan dijalankan untuk mendapatkan kerjasama dari negara-negara ahli, supaya mematuhi skim yang telah ditetapkan ini untuk kepentingan bersama.

## HENTIKAN PERBELANJAAN PERSENJATAAN SEJAGAT

**13. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia di arena politik antarabangsa untuk hentikan perbelanjaan persenjataan sejagat (universal armament) yang berjumlah kira-kira US\$800 billion tahun ini.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Sebagai sebuah negara yang mementingkan keamanan serantau dan sejagat, Malaysia mengalu-alukan rundingan-rundingan sama ada secara duahala atau berbagaihala di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertujuan untuk menghadkan perlumbaan senjata dan mengurangkan perbelanjaan persenjataan sejagat. Kita telah menunjukkan minat kita untuk mencapai objektif ini dengan menghadiri Sessi-sessi Khas PBB mengenai perlucutan senjata pada tahun 1978 dan 1982. Di sesi-sesi ini dan juga di forum-forum antarabangsa yang lain, delegasi Malaysia kerap menyeru supaya kuasa-kuasa besar khususnya Amerika Syarikat dan Soviet Union yang mempunyai senjata-senjata nuklear supaya memberhentikan perlumbaan senjata demi untuk mengurangkan ketegangan dan mengekalkan keamanan di dunia. Usaha-usaha kita dalam memperjuangkan konsep aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di Asia Tenggara adalah juga dalam konteks untuk mengekalkan keamanan dunia.

Perlu saya tekankan di sini bahawa tanggungjawab utama bagi mengurangkan perbelanjaan persenjataan sejagat terletak di bahu kuasa-kuasa besar. Peranan Malaysia bersama dengan Negara-negara berkecuali yang lain adalah untuk terus mendesak kuasa-kuasa tersebut untuk mencapai hasil yang positif dalam rundingan-rundingan bagi menghadkan perlumbaan senjata dan mengurangkan perbelanjaan persenjataan.

**PENERANGAN Y.A.B. PERDANA MENTERI BAWAH S.O. 14 (1) (i)**

**Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983**

4.02 ptg.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengenai perkara yang berkaitan dengan urusan Parlimen.

Dalam persidangan Dewan Rakyat pada bulan Julai yang lalu, Dewan ini telah meluluskan beberapa Rang Undang-undang yang mana kemudiannya telah dibahas dan diluluskan pula oleh Dewan Negara. Rang Undang-undang berkenaan adalah:

- (a) Akta Paten 1983
- (b) Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983
- (c) Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1983
- (d) Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983
- (e) Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1983
- (f) Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan) 1983

(g) Akta Taman Negara (Pindaan) 1983; dan

(h) Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983

Tujuh daripada lapan Rang Undang-undang ini telah pun diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang menjalankan tugas-tugas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sekarang ini masih gering. Rang Undang-undang yang belum diperkenankan ialah Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983.

Tuan Yang Dipertua, Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 belum lagi diperkenankan kerana Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak bersetuju dengan beberapa bahagian daripada pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu. Bahagian-bahagian yang tidak diperkenankan ialah:

- (a) Perkara 66 (5) berhubung dengan perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong ke atas Rang Undang-undang,
- (b) Perkara 150 berhubung dengan Perisytiharan Darurat,
- (c) Perkara mengenai Jadual Kelapan kepada Perlembagaan yang menyentuh perkenan oleh Raja-Raja dan Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri ke atas Rang Undang-undang yang diluluskan oleh dewan-dewan undang negeri.

Oleh kerana Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak berkenan supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pindaan-pindaan itu, maka terbuntulah usaha-usaha Parlimen setakat ini.

Saya sendiri selaku Perdana Menteri telah berusaha sedaya upaya merafak sembah penjelasan dan rayuan kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pindaan-pindaan itu waktu saya mengadakan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Pada 13hb Oktober, 1983 di Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, semua hujah-hujah yang saya kemukakan itu telah tidak diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

Tuan Yang Dipertua, sebagai langkah lanjut, saya telah meminta jasa baik Majlis Tertinggi UMNO supaya dapat mencari formula jalan keluar. Melalui saluran UMNO ini kita telah menawarkan beberapa cadangan yang tidak mencemar maruah mana-mana pihak.

Walaupun bagaimanapun, cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh wakil-wakil UMNO kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja pada 20hb November yang lalu di Istana Kayangan, Shah Alam telah tidak diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia.

Cadangan-cadangan itu semua merupakan pindaan-pindaan kepada pindaan-pindaan asal yang difikirkan boleh mengatasi kekhawatiran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja. Penyembahan tawaran pindaan-pindaan yang berkenaan meliputi ke semua Perkara 66 (5), Perkara 150 dan Jadual Kelapan. Kerajaan berasa kecewa kerana kegagalan usaha ini.

Untuk mengelakkan kegelisahan rakyat, perutusan UMNO itu telah merafak sembah memohon Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja untuk membuat satu kenyataan, dan kenyataan inilah yang telah disiarkan

atas nama Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, selepas majlis mengadakan pada 20hb November itu.

Perkembangan-perkembangan ini telah pun saya laporkan kepada Jemaah Menteri. Dalam konteks ini pihak Jemaah Menteri berpendapat adalah menjadi tanggungjawab Jemaah Menteri supaya perkara ini dilaporkan kepada Parlimen. Maka inilah saya memaklumkan perkembangan-perkembangan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya tegaskan di sini bahawa tujuan Kerajaan mencadangkan pindaan-pindaan Perlembagaan adalah untuk melicinkan lagi pentadbiran negara supaya tidak timbul salah tafsiran mengenai peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan. Dengan adanya pindaan-pindaan itu perjalanan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan menjadi lebih jelas dan tepat. Tetapi saya merasa dukacita kerana ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah mengambil kesempatan memutarbelitkan perkara ini sehingga menjadi kecoh di kalangan rakyat.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kerajaan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini. Insya-Allah, usaha ini akan mencapai kejayaan akhirnya. (*Tepuk*)

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

(*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.12 petang.*)

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.28 petang.*

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
mempengerusikan Mesyuarat)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (1hb Disember, 1983)

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas menyambung ucapannya.

4.29 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, bagi menyambung ucapan saya pada petang semalam bahawa pada pandangan saya setelah sesuatu keputusan dibuat bagi melucutkan keanggotaan seseorang anggota tentera yang terlibat dengan dadah itu, ibubapa atau waris-waris anggota yang berkenaan patutlah dimaklumkan untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Kemudian anggota yang terlibat itu hendaklah dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan sebelum ianya dibenarkan balik ke pangkuan masyarakat. Langkah ini akan membuktikan kepada masyarakat adanya usaha-usaha Kerajaan ke arah membendung dari merebaknya wabak dadah di kalangan masyarakat.

Jika dia terus dibenarkan balik ke pangkuan masyarakatnya setelah ianya dilucutkan keanggotaannya maka seolah-olah tindakan itu kita cuba memindahkan penyakit yang terdapat di kalangan anggota tentera itu kepada masyarakat yang lain. Keadaan yang seumpamanya itu sudah pasti akan menimbulkan masalah kepada masyarakat. Walaupun saya

sedar bukan itu tujuan Kerajaan tetapi orang boleh membuat tafsiran yang demikian.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada membantu mendapatkan rawatan kepada penagih-penagih dadah itu; tindakan-tindakan pencegahan juga perlulah difikirkan.

Tuan Yang Dipertua, di antara usaha-usaha pencegahan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan pada pendapat saya:

(1) Yunit Perubatan Angkatan Tentera itu bolehlah turut memainkan peranan dengan cara membuat pemeriksaan yang perlu dari masa ke semasa untuk mengesan seseorang agar bersih dari pengaruh dadah.

(2) Pemeriksaan-pemeriksaan mengejut hendaklah dibuat dari masa ke semasa ke atas anggota-anggota tentera kita untuk memastikan mereka bebas dari belunggu dadah.

(3) Yunit Bahagian Agama Angkatan Tentera kita hendaklah berusaha menanamkan semangat keimanan yang kukuh di kalangan angkatan tentera kita menerusi ceramah-ceramah, syarahan-syarahan agama, risalah-risalah agama untuk membina daya tahan dalam diri angkatan tentera kita agar dapat menentang sebarang pengaruh yang buruk dengan penuh rasa taqwa kepada Allah s.w.t.

Tuan Yang Dipertua, saya sedar golongan-golongan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dalam angkatan tentera ini hanyalah segelintir orang sahaja. Namun demikian, bahaya dadah boleh membawa bencana yang besar kepada negara dan keselamatan umum. Oleh itu, dia tidak boleh dianggap satu perkara yang remeh-temeh sahaja.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang tidak kurang pentingnya kepada angkatan tentera kita ialah berkenaan dengan Yunit Bahagian Agama di

dalam angkatan tentera kita. Saya berpendapat yunit ini perlu diperkemas dan diperkuatkan agar benar-benar dapat menyampaikan ajaran agama yang lebih berkesan di kalangan angkatan tentera.

Dalam pemilihan guru-guru agama ini selain daripada pengetahuan akademiknya, perlulah juga mengambil kira dari segi perawakan dan pengalamannya di dalam selok-belok agama supaya dia benar-benar dihormati dan disegani oleh masyarakat angkatan tentera itu sendiri. Guru-guru itu juga patut diberi layanan yang istimewa sesuai dengan taraf dan kedudukannya sebagai seorang tokoh agama.

Selain daripada itu, tenaga yang ada patutlah dari masa kesemasa tokoh-tokoh agama yang berkelebar sama ada daripada dalam atau luar negeri dijemput untuk memberi syarahan atau ceramahan-ceramahan agama. Di samping itu buku-buku agama patut diperbanyakkan untuk bahan bacaan dan kajian angkatan tentera kita terutama mereka yang sedang di dalam latihan.

Tuan Yang Dipertua, diharapkan menerusi pelajaran agama itu kita dapat memupuk semangat keimanan yang kukuh di dalam diri setiap individu perajurit kita. Cahaya keimanan itu bukan sahaja dapat menjadi penyuluh ke jalan yang diredhai Allah tetapi ia juga melahirkan daya tahan atau suatu kekuatan dan keberanian di dalam jiwa seseorang itu. Kekuatan dan keberanian ini merupakan salah satu faktor yang terpenting bagi seseorang perajurit, kerana dengannya mereka bersedia menghadapi sebarang dugaan dan cabaran pada setiap masa dalam sebarang keadaan.

Tuan Yang Dipertua, kekuatan sesebuah angkatan tentera itu tidak hanya bergantung kepada ramai bilangan anggotanya atau banyak dan

modennya alat kelengkapannya melainkan mestilah disertai dengan daya tahan yang dilahirkan, yang diilhamkan dari kekuatan imannya serta bijaksana mengatur muslihat peperangan.

Tuan Yang Dipertua, sejarah telah membuktikan di zaman Rasulullah s.a.w. dan juga di zaman sahabat-sahabatnya, angkatan Islam yang kecil bilangannya dapat mengalahkan angkatan musuh yang berpuluh-puluh kali ganda lebih besar daripadanya. Kemenangan mereka adalah berlandaskan kekuatan iman dan kebijaksanaan mengatur tipu muslihat peperangan. Misalnya, bagaimana kemenangan Rasulullah s.a.w. berjaya mempertahankan bandar Madinah atau Kota Madinah daripada serangan kaum Quraish yang begitu ramai jumlahnya jika dibanding dengan tentera Islam di bawah pimpinan baginda Rasulullah s.a.w. Nabi berjaya mempertahankan serangan Quraish dengan semangat keimanan dan kepintarannya menggali parit di sekeliling kota Madinah itu. Dengan adanya parit-parit itu menjadi batu penghalang kepada musuh untuk terus mara dan menawan bandar madinah. Walaupun bilangan angkatan tentera itu kecil jika dibandingkan dengan angkatan musuh yang menyerang, ini adalah satu contoh kebijaksanaan mengatur siasah peperangan.

Tuan Yang Dipertua, oleh itu, saya berseru agar pihak Kerajaan perlulah memperseimbangkan di antara kekuatan mata benda atau jasmani dengan kekuatan rohani di dalam angkatan tentera kita supaya kita dapat membina satu angkatan tentera yang benar-benar berkualiti tinggi dengan daya tahan yang utuh dan padu untuk menjamin keselamatan, kesejahteraan rakyat serta kedaulatan negara.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu, sukalah saya menyentuh pada beberapa fasal di dalam Akta

Angkatan Tentera (Pindaan) 1983 ini. Satu daripadanya, Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan melanjutkan tempoh perkhidmatan. Melanjutkan tempoh perkhidmatan seseorang anggota pasukan tentera dari 12 tahun ke 15 tahun itu amat tepat dan bijaksana. Jika kita membuat andaian seseorang yang memasuki tentera itu berumur 22 tahun iaitu selepas menamatkan pengajiannya di universiti maka umurnya ketika di dalam tempoh perkhidmatannya baru 37 tahun. Mereka yang berumur 37 tahun masih berada dalam golongan muda lagi, masih gagah dan masih perkasa, apa lagi jika ianya memasuki angkatan tentera di dalam umur yang lebih muda selepas tamat SPM atau STPM.

Tuan Yang Dipertua, sesuatu yang lebih penting dengan melanjutkan tempoh perkhidmatan daripada 12 tahun kepada 15 tahun itu ialah Kerajaan akan dapat terus mempertahankan kualiti di dalam angkatan tentera kita menerusi pengalaman dan pengetahuan yang terdapat pada mereka yang telah lama berkhidmat di dalam angkatan tentera itu. Bukanlah mudah untuk mendapatkan pengalaman kerana pengalaman itu tidak boleh dijual beli. Ianya terpaksa menjalani proses yang panjang sertai mengalami berbagai-bagai peristiwa di dalam berbagai-bagai keadaan.

Tuan Yang Dipertua, sekalipun kuantiti sesebuah pasukan itu amat penting tetapi kualitinya juga tidak kurang pentingnya bagi sesebuah angkatan tentera yang boleh menjadi kebanggaan negara dan bangsa.

Tuan Yang Dipertua, walaupun pindaan ini akan melibatkan perbelanjaan negara, tetapi di dalam soal untuk menjamin pasukan yang berkualiti tinggi dalam konteks mempertahankan setiap inci negara kita dan menjamin keselamatan rakyat serta melindungi khazanah negara dari

segala bentuk angkara musuh maka ianya tidak boleh diukur dengan wang ringgit. Segala-gala yang saya sebutkan di atas tadi tidak ada benda yang dapat dinilai.

Tuan Yang Dipertua, pindaan ke atas Seksyen 189 Akta itu seperti yang tertera di dalam Fasal 5 Akta ini iaitu dengan memasukan Seksyen 189 (A) yang bertujuan seseorang pegawai atau laskar-laskar yang berkhidmat dalam simpanan angkatan tetap adalah berhak sepanjang tempoh perkhidmatannya dalam simpanan memegang pangkat hakiki yang akhir dipegang olehnya semasa berkhidmat di dalam angkatan tetap.

Tuan Yang Dipertua, pindaan ini bukan sahaja berlandaskan prinsip-prinsip keadilan, malah merupakan suatu galakan atau insentif yang membina kepada anggota-anggota Pasukan Tentera kita agar dapat terus mencurahkan khidmat baktinya kepada nusa dan bangsa serta ugama. Kita berharap peluang keemasan ini akan dapat disambut dengan baik oleh bekas-bekas perajurit kita yang masih mahu meneruskan kariyanya sebagai anggota Pasukan Pertahanan negara yang tercinta ini.

Tuan Yang Dipertua, maka dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1983.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Timbalan Menteri menjawab dan mengolng bagi pihak Menteri berkenaan.

4.22 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, Tanjong, Pasir Puteh, Matang dan

juga Padang Rengas yang telah menyokong serta menunjukkan minat terhadap Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1983 ini.

Saya cuba dengan seboleh-bolehnya untuk menjawab teguran-teguran, syor-syor serta saranan-saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Namun begitu, mana-mana perkara yang dibangkitkan, tetapi mungkin tidak sempat dijawab, pihak Kementerian khasnya dan juga Kerajaan amnya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menjawab berbagai perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan, ingin saya menjelaskan sedikit tentang perbezaan di antara Pasukan Sukarela dengan Pasukan Simpanan. Pasukan Sukarela adalah terdiri daripada orang awam yang berminat untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera secara sukarela. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan mereka boleh berkhidmat dalam Askar Wataniah ataupun lebih dikenali sebagai Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD), Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut di-Raja Malaysia (PSSTLDM) dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara (PSSTUDM). Mereka ini dikehendaki menghadiri latihan mingguan dan tahunan dan masa menjalani latihan mereka diberi elaun-elaun sepertimana yang diperuntukkan dalam Undang-undang Tentera.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyatakan bahawa elaun yang diberikan kepada mereka ini tidaklah begitu sesuai memandangkan keadaan pada masa ini, maka kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan mengkaji perkara ini dengan

sedalamnya. Mereka yang berkhidmat dalam simpanan sukarela juga boleh memohon untuk dikerah berkhidmat sepenuh masa dalam Angkatan Tentera bagi tempoh-tempoh yang tertentu. Walau bagaimanapun dalam keadaan darurat, mereka boleh diwajibkan berkhidmat dalam Angkatan Tentera secara kerahan sepenuh masa.

Pasukan Simpanan Tetap pula itu adalah terdiri daripada bekas anggota-anggota dan pegawai-pegawai yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan asal dan mengikut syarat-syarat perkhidmatan mereka juga dikehendaki berkhidmat dengan Pasukan Simpanan Tetap ini. Mereka ini tidaklah dikehendaki berkhidmat sepenuh masa, tetapi hanya dikehendaki menghadiri latihan tahunan selama dua minggu. Pada hakikatnya mereka ini adalah orang awam dan boleh menjalankan pekerjaan ataupun aktiviti-aktiviti lain dengan mana-mana majikan.

Sebenarnya Akta Angkatan Tentera, 1972 mempunyai peruntukan untuk menubuhkan Pasukan Simpanan Tetap di bawah seksyen 24, 25 dan seksyen 188. Pindaan yang dicadangkan di Dewan yang mulia ini hanya bertujuan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan simpanan daripada dua tahun kepada lima tahun untuk anggota-anggota lain pangkat dan bagi memperluaskan kategori yang dikehendaki berkhidmat dalam Pasukan Simpanan bagi pegawai-pegawai. Sepertimana yang telah dijelaskan Pasukan Simpanan Tetap ini bukanlah satu perkara yang baru dan pindaan yang dicadangkan ini hanya merupakan satu pindaan untuk memberi sumber tambahan yang lebih kepada perkhidmatan Angkatan Tentera.

Suka juga saya menyatakan bahawa pegawai-pegawai simpanan akan terus memegang tauliah mereka dengan

pangkat yang sebenar yang terakhir yang disandang oleh mereka selagi mereka berada dalam senarai simpanan tetap, dan begitu juga anggota-anggota simpanan lain-lain pangkat akan diberi pangkat yang terakhir yang disandang oleh mereka. Apabila seseorang pegawai ataupun anggota simpanan lain-lain pangkat dikerah tenaga untuk menghadiri latihan tahunan ataupun untuk bertugas penuh masa, syarat-syarat perkhidmatan adalah seperti syarat-syarat perkhidmatan yang dikenakan kepada pegawai-pegawai tetap ini termasuk gaji, elaun, hak-hak dan Undang-undang Tentera yang dikuatkuasakan pada masa yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengesyorkan supaya Angkatan Tentera disusun semula agar ianya mencerminkan komposisi berbagai kaum di negara ini. Yang sebenarnya Angkatan Tentera kita adalah terdiri dari berbilang kaum. Walaupun barangkali dari segi anggota-anggota lain pangkat banyak terdiri daripada orang Melayu, tetapi dari segi pegawai-pegawai dan juga dari segi pekhidmatan-perkhidmatan teknikal dan perubahan banyak pegawai-pegawai yang terdiri daripada bukan Melayu. Namun begitu dasar yang diamalkan sekarang ini di dalam pengambilan anggota-anggota baru di dalam perkhidmatan tentera adalah dasar terbuka kepada semua rakyat negara ini tanpa mengira kaum dan kepada semua yang benar-benar ingin berkhidmat di dalam Pasukan Keselamatan tanpa apa-apa paksaan.

Tanggungjawab mempertahankan negara tidaklah terletak kepada sesuatu kaum sahaja, tetapi kepada semua yang cintakan tanahairnya. Perlu juga saya mengingatkan bahawa setiap pekerjaan yang disandang oleh tiap-tiap orang memang mempunyai kaitan rapat dengan minat. Sekiranya minat tidak ada, maka sesuatu

pekerjaan yang kita tawarkan itu mungkin kurang mendapat perhatian dan sebaliknya.

Soal mengapa bilangan bukan Melayu kurang memasuki Angkatan Tentera berbanding dengan kaum lain juga berkaitan dengan minat. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang terhormat itu, atas sebab-sebab kebudayaan, adat resam dan juga sebab-sebab sejarah, orang-orang keturunan Tionghua tidak begitu minat berkhidmat dalam Angkatan Tentera. Inilah sebabnya maka Kerajaan dan Kementerian Pertahanan senantiasa mengadakan kempen untuk menarik minat kaum-kaum lain dalam Angkatan Tentera. Kempen ini dibuat melalui berbagai program, seperti pameran-pameran dan ceramah-ceramah di merata tempat, termasuk di sekolah-sekolah Cina. Pihak media massa juga telah mengambil daya usaha untuk memainkan peranan menarik minat belia-belia kita memasuki Angkatan Tentera.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mencadangkan supaya Perkhidmatan Negara (National Service) diwujudkan di negara ini. Sepertimana yang telah ditegaskan di masa-masa yang lepas, Perkhidmatan Negara adalah dianggap tidak sesuai diadakan di negara ini kerana pada pendapat Kerajaan, banyak masalah-masalah praktikal yang dihadapi di dalam rancangan implementasinya mewajibkan rakyat untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera akan menimbulkan berbagai kesusahan, bukan sahaja dari segi klasifikasi atau mencari kriteria-kriteria belia yang mana patut masuk berkhidmat atau kemudian atau didahulukan atau dikecualikan, tetapi juga dari segi bilangan rakyat yang besar mungkin akan menyebabkan tidak dapat ditadbirkan dengan secara teratur tanpa menimbulkan masalah-masalah

seperti kewangan, kemudahan kakitangan dan juga masalah kemanusiaan. Tambahan pula, satu negara yang sedang membangun seperti negara kita ini perlu juga menyalurkan tenaga manusia di bidang-bidang yang produktif supaya pembangunan kita tidak terjejas. Menurut pengalaman di negara-negara yang mengamalkan sistem ini sering timbul masalah dari segi politik di mana didapati ada sahaja di dalam sesuatu sektor masyarakat itu yang enggan dipaksa berlatih memegang senjata bagi tentera biasa dan pasukan simpanan dan sukarela.

Kerajaan berpendapat bahawa Angkatan Tentera yang ada sekarang mempunyai kemampuan untuk menghadapi sebarang kemungkinan tanpa memerlukan kerahan tenaga seluruh rakyat. Sebagai Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan masalah pertahanan negara, Kementerian Pertahanan telah pun mengkaji perkara ini dengan semasak-masaknya dan berpendapat bahawa sistem Perkhidmatan Negara masih belum diperlukan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan bahawa tidak ada peruntukan untuk membolehkan seseorang anggota tentera menamatkan perkhidmatannya lebih awal daripada tempoh yang mereka dikehendaki berkhidmat. Sebenarnya peruntukan kelonggaran syarat memang sedia ada.

Fasal 31, Akta Angkatan Tentera Tahun 1972 dan Fasal 5, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, "The Malay Regiment (Enlistment, Extension of Service and Re-engagement) Regulation 1960" membenarkan penggunaan pemberhentian dari Angkatan Tentera. Namun begitu kebenaran adalah diberikan kepada mereka yang benar-benar mempunyai sebab-sebab yang tertentu dan yang

tidak dapat dielakkan. Tidak semua akan diberi kebenaran. Kalau semua diberi kebenaran, maka kita tak ada tentera lagi di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan tentang diskriminasi dalam kenaikan pangkat dalam Angkatan Tentera. Suka saya menegaskan bahawa kenaikan pangkat dalam Angkatan Tentera adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti potensi untuk menjadi seorang pemimpin, merit, kekananan serta kursus-kursus yang telah dihadiri. Cadangan kenaikan pangkat pula mulanya dikemukakan kepada Lembaga Pemilihan Pegawai-pegawai Angkatan Tentera untuk ditimbang. Berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, Lembaga ini akan memperakukan kepada Majlis Angkatan Tentera calon-calon yang difikirkan layak untuk kenaikan pangkat.

Mengikut Fasal 137, Perlembagaan Malaysia:

"Majlis Angkatan Tentera adalah diberi kuasa untuk meluluskan kenaikan pangkat pegawai Angkatan Tentera dan seterusnya dipersembahkan untuk diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong".

Seperti yang saya jelaskan tadi, sebelum sesuatu kenaikan pangkat itu dipersetujui, prosesnya memerlukan kelulusan dan sokongan di beberapa peringkat yang tertentu. Jadi dakwaan Ahli Yang terhormat bahawa terdapat diskriminasi ini tidaklah benar.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pula telah membangkitkan tentang penyalahgunaan dadah. Beliau mencadangkan supaya sebarang anggota tentera yang didapati terlibat dalam penyalahgunaan dadah dipecat dari jawatan, seterusnya perlu terlebi

dahulu diberi rawatan di Pusat-pusat pemulihan dadah sebelum mereka dikembalikan ke pangkuan masyarakat. Mengikut peraturan yang ada sekarang, anggota-anggota tentera yang didapati terlibat dalam dadah boleh dikehendaki menjalani rawatan pemulihan di pusat-pusat pemulihan dadah.

Suka saya menyatakan bahawa tindakan memberhentikan ataupun memecat mereka ini adalah merupakan tindakan yang terakhir sekali (the last resort). Sementara itu, beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian Pertahanan bagi mengatasi perkara ini supaya membendung penyalahgunaan dadah di kalangan anggota-anggota tentera. Ini termasuklah mengadakan ceramah-ceramah kerohanian, seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas sebentar tadi, kaunseling di semua peringkat dan juga kursus-kursus mengenai membasmu penagih dadah dan Kempen Anti Dadah diadakan dari masa ke semasa. Cawangan Penyiasat Khas, Angkatan Tentera sentiasa mengadakan pengawasan yang rapi untuk mengatasi perkara ini dengan pemeriksaan secara mengejut di berek-berek tentera dari masa ke semasa.

Begitu juga Perkhidmatan Perubatan, Angkatan Tentera apabila mengesan seseorang anggota itu disyaki terbabit dengan dadah sentiasa memberikan kerjasama agar penyalahgunaan mereka itu dapat diatasi. Namun begitu, perbincangan-perbincangan sedang diadakan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat dan juga PEMADAM agar banyak lagi anggota-anggota tentera yang dipecat dapat dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan dan juga tempat-tempat rawatan sebelum mereka ini dikembalikan ke pangkuan masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah mencadangkan supaya anggota-anggota tentera kita dihantar sebagai pemerhati dalam peperangan yang disebutkan oleh beliau di Falklands dan tempat-tempat yang lain. Ingin saya menyatakan bahawa kita hendaklah berhati-hati oleh kerana cadangan ini boleh menimbulkan masalah dari segi perhubungan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan. Oleh kerana kita tidak mahu menyebelah negara yang kuat sahaja ataupun negara yang sentiasa berdamping dengan kita kerana kita mengamalkan sikap berkecuali, oleh itu tidaklah dapat kita menghantar mereka itu ke satu-satu pasukan sahaja.

Di samping itu pula masalah keselamatan anggota-anggota adalah juga faktor yang harus dipertimbangkan. Sebaliknya pula apa-apa pengalaman yang diperolehi oleh negara-negara yang terlibat mungkin pula tidak sesuai untuk keadaan di dalam negara kita. Pengalaman yang sesuai untuk keadaan di kawasan ini memang boleh diperolehi oleh anggota-anggota tentera kita menerusi latihan bersama dengan negara-negara sahabat dan jiran yang diadakan dari masa ke semasa, sama ada latihan ini di darat, laut ataupun di udara.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas supaya diadakan ceramah agama sebagai langkah tambahan mengubati penagihan dadah, saya telahpun menjejaskan perkara ini semasa saya menggulung Rang Undang-undang Manuver Angkatan Tentera dua hari yang lalu. Memang perkara ini adalah sentiasa diambil perhatian yang berat oleh Angkatan Tentera dan aspek-aspek dari segi kerohanian, semangat ketenteraan dan keperwiraan, semangat cintakan negara adalah diambil perhatian yang berat apabila

kita mengadakan latihan ataupun kursus-kursus kepada setiap Pasukan Angkatan Tentera kita. Dengan adanya semangat itulah maka kita berharap bahawa Angkatan Tentera kita akan dapat terus mempertahankan negara kita di masa-masa yang akan datang.

Sekianlah sahaja ulasan saya dan saya mengucapkan setinggi terima kasih lagi sekali kepada kelima-lima Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.07 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu

Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan utama bagi penubuhan Biro Bantuan Guaman adalah untuk membolehkan keadilan diperolehi sama rata oleh semua lapisan rakyat. Pengujudan sekim seperti ini bermakna golongan miskin dan buta huruf buat pertama kali dapat menempah perkhidmatan peguam apabila hak-hak mereka diceroahi.

Semenjak Biro Bantuan Guaman ditubuh di bawah Kuasa Ordinan No. 39 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970 yang mana digantikan dalam tahun 1971 dengan Akta Bantuan Guaman 1971 peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang tersebut di atas belum pernah dipinda. Dalam tempoh masa 12 tahun kebelakangan ada didapati beberapa masalah telah timbul dalam menjalankan pentadbiran Akta tersebut.

Misalnya, kakitangan Biro Bantuan Guaman telah mendapati bahawa procedure bagi membuat permohonan untuk Bantuan Guaman yang ditetapkan di bawah Akta tersebut sukar diikuti dan tidak praktik. Procedure permohonan tersebut telah ditiru dari Akta Bantuan dan Nasihat Guaman British. Masalah procedure timbul oleh kerana sekim Bantuan Guaman British berbeza dengan sekim di negara ini. Di Britain sekim tersebut diselenggarakan oleh Persatuan Peguam iaitu pihak swasta walaupun peruntukan wang disediakan oleh pihak Kerajaan. Di negara ini sebaliknya sekim Bantuan Guaman diselenggarakan oleh Kerajaan sendiri dan diletakkan di bawah Jabatan Peguam Negara. Berikutan dari perbezaan ini didapati bahawa procedure yang diletakkan di bawah Akta British itu tidak sesuai diikuti oleh sesuatu sekim Kerajaan.

Seksyen berkenaan adalah seksyen 15 Akta Bantuan Guaman yang

menyatakan bahawa sebelum sesuatu permohonan untuk Bantuan Guaman diluluskan, Pengarah Bantuan Guaman dikehendaki merujuk permohonan itu kepada Lembaga Bantuan Guaman yang terdiri daripada tidak kurang dari 2 orang peguam swasta seperti mana diterangkan di atas peruntukan ini telah didapati sukar untuk dipatuhi dan juga ianya memberi peguam swasta kuasa membuat keputusan dalam pentadbiran sesebuah badan Kerajaan. Dengan itu pindaan dicadangkan untuk memansuhkan Lembaga Bantuan Guaman dan memberi Pengarah Bantuan Guaman kuasa untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan-permohonan untuk Bantuan Guaman.

Cadangan pindaan seterusnya bagi Akta Bantuan Guaman adalah untuk meluluskan permohonan bantuan guaman bagi perkara-perkara sivil yang tidak termasuk di bawah Jadual Ketiga Akta Bantuan Guaman terutama sekali perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan demi kepentingan keadilan.

Pada masa-masa yang lalu Biro Bantuan Guaman ada menerima permohonan-permohonan yang termasuk ke dalam kategori ini. Akan tetapi telah tidak dapat memberi apa-apa bantuan disebabkan adanya batasan-batasan yang dikenakan oleh seksyen 15 dan 16 dan juga terhadapnya bidang perkara-perkara yang ditentukan dalam Jadual Ketiga tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya bidang Jadual Ketiga diperluaskan dengan secara umum ini mungkin mengakibatkan Biro dibanjiri permohonan-permohonan bagi bantuan guaman dan kemungkinan Biro Bantuan Guaman tidak dapat melayani permohonan-permohonan yang begitu banyak. Namun demikian, setakat ini Biro Bantuan Guaman masih terdaya untuk menguruskan

tambahan yang sederhana kepada beban kerjanya. Seperti dinyatakan perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan kepada golongan yang kurang mampu ataupun perkara yang melibatkan kepentingan awam (public interest) akan diberi keutamaan.

Adalah diharapkan bahawa kegiatan Biro Bantuan Guaman dalam bidang-bidang kepentingan awam public interest law dengan izin, akan merupakan batu asas bagi perkembangan bidang undang-undang ini dalam negara kita dan diharapkan bahawa dalam tempoh masa yang begitu lama kita akan dapat mencapai perkembangan "public interest law" sama dengan tahap yang dicapai di negara-negara membangun yang lain.

Adalah dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Peguam Negara meluluskan permohonan bantuan guaman bagi perkara-perkara sivil yang tidak termasuk di bawah Jadual Ketiga Akta Bantuan Guaman. Contoh perkara-perkara yang dimasukkan di bawah istilah undang-undang kepentingan awam adalah perkara pencerobohan alam sekitar, misalnya apabila air sungai yang merupakan nadi kehidupan orang-orang kampung dicemar oleh kekotoran yang disalurkan ke dalamnya oleh kilang-kilang swasta.

Satu lagi contoh adalah bila orang-orang miskin terpaksa menjual tanah mereka dengan harga yang murah atas desakan tipu helah orang-orang yang ingin menggunakan tanah tersebut untuk skim kemajuan demi kepentingan dan keuntungan mereka sendiri.

Contoh-contoh di atas adalah sebilangan kecil daripada jenis perkara-perkara yang termasuk dalam bidang undang-undang kepentingan awam. Harapan saya dengan adanya pindaan ini dalam Akta Bantuan Guaman, Biro Bantuan Guaman akan dapat memainkan peranan penting

demikian mencapai cita-cita murni yang terkandung dalam prinsip keadilan sama rata dikalangan yang kaya serta yang miskin yang termaktub dalam perlembagaan negara kita di bawah Perkara 8.

Selain daripada itu, walaupun secara kecil-kecilan sahaja, pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menentukan bahawa sistem bantuan guaman Malaysia akan lebih selaras dengan sistem-sistem bantuan guaman negara-negara maju di mana bantuan guaman untuk yang miskin diberi bagi semua jenis kes.

Cadangan pindaan seterusnya bagi Akta Bantuan Guaman adalah untuk meninggikan lagi tahap pendapatan berkaitan dengan ujian kemampuan untuk membolehkan lebih ramai lagi orang-orang miskin mendapat faedah dari skim perkhidmatan bantuan guaman.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kadar inflasi telah meningkat dengan tidak berbandingnya dalam 10 tahun kebelakangan. Sejak tahun 1970 bila Biro Bantuan Guaman ditubuh hingga ke tahun 1982, kadar inflasi telah meningkat 113%. Faktor ini adalah relevant oleh kerana tiap-tiap permohonan untuk Bantuan Guaman ditimbang dengan menggunakan ujian kemampuan mengikut mana seseorang pemohon yang pendapatan bolehguna tidak melebihi \$750 setahun dan yang memiliki modal bolehguna yang bernilai tidak lebih daripada \$500 akan layak untuk mendapat bantuan guaman penuh. Mengikut formula ini seorang bujang yang tidak mempunyai tanggungan yang pendapatannya tidak melebihi \$134 sebulan atau seorang yang mempunyai 4 orang tanggungan yang pendapatannya tidak melebihi \$184 sebulan hanya akan layak mendapat bantuan penuh.

Angka-angka pendapatan ini adalah lebih rendah daripada pendapatan garis kemiskinan di negara ini yang telah diperhitungkan oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai \$310 sebulan bagi saiz isi rumah 5.14 orang untuk tahun 1982.

Jelas sekali tahap pendapatan yang ditetapkan di bawah Akta Bantuan Guaman telah menjadi satu perkara usang dan tidak mencerminkan keadaan ekonomi sekarang. Oleh yang demikian mengikut pindaan yang dicadangkan angka-angka di bawah ujian kemampuan dinaikkan 115% selaras dengan kenaikan kadar inflasi semenjak tahun 1970 kepada tahun 1983. Misalnya di bawah formula yang baharu yang dicadangkan seorang bujang yang tidak mempunyai tanggungan yang pendapatannya sebelumnya tidak melebihi \$354 atau seorang yang mempunyai 4 orang tanggungan yang pendapatannya sebelumnya tidak melebihi \$487 dan seterusnya akan layak mendapat bantuan penuh.

Tuan Yang Dipertua, di bawah cadangan pindaan ini angka-angka bagi bantuan separuh juga dinaikkan misalnya di bawah Akta sekarang seorang bujang yang pendapatannya tidak melebihi \$219 sebulan layak mendapat bantuan guaman separuh iaitu ia akan diberi bantuan guaman tetapi akan dikenakan sedikit sumbangan. Di bawah cadangan pindaan ini seorang bujang yang pendapatannya bulanannya tidak melebihi \$770 akan layak mendapat bantuan sejenis ini.

Seorang pemohon yang mempunyai 4 orang tanggungan misalnya yang pendapatannya bulanannya tidak melebihi \$987 akan juga layak mendapat bantuan guaman separuh. Mengikut cadangan pindaan ini sumbangan yang akan dikenakan adalah tidak melebihi sebulan gaji.

Satu lagi cadangan pindaan yang penting adalah untuk mengadakan peruntukan tambahan mengenai perakuan bantuan guaman. Peruntukan tambahan ini merupakan seksyen baru 31A dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan pada hari ini. Seksyen ini memperuntukkan bahawa keputusan yang dibuat di bawah Akta untuk memberi bantuan guaman adalah mutahir dan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan lagi di dalam mahkamah. Alasan bagi cadangan pindaan ini adalah bagi mengelakkan permohonan dan hujah-hujah oleh Peguam pihak menentang untuk membatalkan pemberian perakuan bantuan guaman atas alasan bahawa pelanggan Biro tidak layak diberi bantuan guaman. Bantahan sedemikian adalah sia-sia dan akan menjejaskan tujuan asal skim bantuan guaman dan tidak seharusnya dibenarkan.

Pada pendapat saya faktor bahawa ada peguam-peguam yang sanggup menggunakan taktik begini untuk memenangi kes mereka adalah perkara yang sangat-sangat dikesali. Memandangkan bahawa angka-angka di bawah ujian kemampuan tidak pernah disemak semenjak Akta Bantuan Guaman diluluskan dan sekiranya angka-angka tersebut dipatuhi dengan ketat hanya pemohon-pemohon yang papa kedana akan layak mendapat bantuan guaman.

Bantahan peguam-peguam terhadap pemberian bantuan guaman adalah tidak adil sama sekali. Peguam-peguam ini lupa bahawa mewujudkan dan menegakkan keadilan adalah tanggungjawab utama profesion mereka. Walau bagaimanapun peguam-peguam yang bersikap begini merupakan hanya segelintir sahaja daripada ahli-ahli profesion ini.

Pada keseluruhannya peguam-peguam di negara ini sedar akan

tanggungjawab mereka dan sikap ini ternyata dengan penubuhan sebuah Skim Bantuan Guaman pada bulan Ogos, 1982 di bawah naungan Majlis Peguam. Skim ini yang dinamakan Pusat Bantuan Guaman, memainkan peranan penting dari segi mengisi kekurangan perkhidmatan bantuan guaman Kerajaan. Kita harus mengalu-alukan penubuhan Skim Bantuan Guaman ini dan berharap bahawa lebih banyak lagi cawangan Pusat Bantuan Guaman akan ditubuhkan di seluruh negara untuk memperjuangkan hak golongan-golongan yang kurang bernasib baik dalam menghadapi berbagai masalah guaman yang terdapat di dalam masyarakat kita.

Salah satu kebaikan Skim Bantuan Guaman yang diselenggarakan oleh pihak swasta adalah ianya dapat menjalankan fungsinya secara flexible. Selaras dengan dasar Kerajaan mengenai konsep penswastan, ada baiknya sekiranya kita mengkaji secara mendalam sama ada perkhidmatan bantuan guaman Kerajaan harus ditukar statusnya kepada badan berkanun atau ditadbirkan sebagai sebuah badan swasta. Tujuan berbuat demikian adalah untuk memperbaiki lagi perkhidmatan ini dan bukanlah untuk mendapatkan keuntungan kewangan.

Antara kebaikan-kebaikan yang terdapat daripada penswastan Biro Bantuan Guaman adalah seperti berikut:

- (1) Pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih licin dan sempurna. Badan begini akan bertanggungjawab bagi pengambilan kakitangannya sendiri. Ini akan mempercepatkan dan melicinkan lagi kemasukan kakitangan yang baru jika dibandingkan dengan keadaan sekarang di mana pengambilan kakitangan diselenggarakan

oleh sebuah badan Kerajaan yang bertanggungjawab bagi pengambilan kakitangan bagi semua badan-badan dan jabatan-jabatan Kerajaan.

- (2) Satu lagi kebbaikannya jika Biro ini diselenggarakan sebagai satu badan swasta ialah ianya boleh menjadi sebuah badan bagi membantu Kerajaan dalam pengendalian sesuatu sistem "checks and balances" yang wujud dalam sesuatu sistem demokratik. Dalam perkataan yang lain, ianya boleh memainkan peranan sebagai satu badan pencegah dari bahaya penyelewengan pentadbiran oleh badan-badan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong dengan kuatnya.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman, 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Labis.

5.25 ptg.

**Tuan Bahari bin Haron (Labis):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman, 1971. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya membawa Akta Pindaan ini ke Parlimen untuk dibahas dan terus diluluskan. Pada pendapat saya pindaan ini tentulah melambangkan hasrat ikhlas pihak Kerajaan untuk memberikan peluang kepada rakyat

jelata di semua peringkat, tambahan lagi mereka yang di peringkat bawah supaya mereka dapat menikmati khidmat guaman tanpa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak.

Tuan Yang Dipertua, saya merasa sukacita mendengarkan bahawa Majlis Peguam telah menubuhkan Pusat Bantuan Guaman yang saya rasa adalah selaras dan kena pada tempatnya memandangkan peguam-peguamlah mereka-mereka yang seharusnya menyedari akan pentingnya seseorang itu mendapat khidmat guaman tanpa mengira status dan kedudukan mereka dan saya percaya khidmat seperti ini akan dapat diperhebatkan lagi memandangkan pertambahan kes-kes yang difailkan di mahkamah terutamanya dalam kes-kes sivil. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah terdapat seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, setengah-setengah peguam yang menggunakan taktik-taktik yang tidak sihat yang sengaja hendak melambatkan proses perundangan dengan menggunakan helah seseorang itu tidak seharusnya diberi bantuan berdasarkan kepada pendapatan mereka sehingga taktik ini saya rasa mungkin telah digunakan dengan berleluasa sehingga perlu diadakan pindaan undang-undang seperti mana yang diperbincangkan pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam kita cuba hendak memberikan khidmat secara percuma kepada mereka yang layak, saya rasa ada baiknya kalau Kerajaan dapat mengkaji apakah sebab-sebab perkhidmatan guaman daripada pihak swasta, perkhidmatan guaman daripada pihak-pihak peguam telah jadi begitu mahal sehingga ramai daripada rakyat tidak dapat menikmati khidmat mereka seperti yang diharapkan. Saya rasa salah satu sebab mengapa "legal cost" ataupun harga guaman telah meningkat ialah

disebabkan oleh masalah yang dihadapi di dalam pentadbiran mahkamah-mahkamah sendiri. Misalnya begitu banyak sekali kes-kes yang lambat dibicarakan. Ini telah kita dengar sekian lama.

Sebagai seorang yang telah ada sedikit pengalaman sebagai magistret beberapa tahun dahulu, di masa itu, lebih kurang 10 tahun dahulu, kita telah membincangkan masalah "backlog of cases" dan sehingga hari ini masalah ini masih sama sahaja dan malahan di setengah-setengah mahkamah "backlog of cases" ini telah meningkat dengan begitu banyak sekali. Inilah satu faktor yang menyebabkan harga guaman atau legal cost kian meningkat oleh kerana apabila sesuatu kes itu di "postpone" atau ditangguhkan, sudah tentulah yang menanggung kosnya adalah bukan peguam itu sendiri malahan anak-anak guaman mereka yang diwakili oleh peguam yang bertanggungjawab memastikan bahawa kes-kes itu didengar di mahkamah.

Kita juga mesti mencari sebab-sebab mengapa terlalu banyak "postponement" dilakukan, kerana daripada pengalaman saya sendiri, saya dapati bahawa kadangkala terdapat keadaan di mana kita telah menetapkan 4 kes untuk didengar pada satu hari, tetapi akhirnya semua kes itu di "postponekan" dan masa yang terluang yang begitu banyak habis begitu sahaja dan saya rasa dalam hal ini, perlulah ada dialog di antara pihak pentadbir mahkamah dan juga pihak peguam-peguam sendiri dan juga pihak-pihak yang terlibat dengan secara langsung untuk mentadbirkan pendengaran kes-kes dalam mahkamah termasuklah pihak Polis dan pihak Jabatan-jabatan lain yang terlibat.

Jadi saya syorkan supaya satu cara, satu formula dicari untuk

mengulangkan bagi backlog of cases, dengan izin, ataupun timbunan kes-kes yang begitu banyak terdapat di mahkamah-mahkamah kita di seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya konsep Assigned Counsel sepertimana yang didapati oleh mereka yang dituduh yang mana tuduhan itu melibatkan hukuman mati. Jadi jika sekiranya seseorang itu dituduh atas satu pertuduhan yang hukumannya ialah hukum mati, maka ianya diberikan seorang peguam untuk membela dirinya dan khidmat guaman ini dibayar oleh pihak Kerajaan. Saya rasa kalau konsep ini dapat diperluaskan meliputi jenayah-jenayah yang lain yang serius, sudah tentulah bertambah ramai lagi mereka yang tidak mampu untuk mendapatkan perkhidmatan guaman itu akan sedikit sebanyak menikmati khidmat guaman sepertimana yang diharapkan oleh mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itulah sahaja pendapat-pendapat saya di dalam menyokong Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman Tahun 1971 ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.33 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Dan di samping ini suka saya menyampaikan sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) ini.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan bahawa rang Undang-undang ini bertujuan memperbaiki aturcara dan syarat-syarat tentang pemberian bantuan guaman kepada golongan yang miskin atau golongan yang layak untuk mendapat bantuan guaman maka saya hendak menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya mengalu-alukan peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan aturcara memproses permohonan-permohonan mendapat Bantuan Guaman. Di bawah Rang Undang-undang pindaan ini adalah dicadangkan bahawa Lembaga Bantuan Guaman akan dibatalkan dan saya memberi sokongan kepada cadangan ini sebagai satu langkah untuk memudahkan proses permohonan bagi bantuan Guaman. Rang Undang-undang ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan meninggikan had yang paling tinggi, pendapatan boleh guna ataupun disposable income, dengan izin. Seseorang pemohon yang layak mendapat Bantuan Guaman dan memperuntukan supaya Peguam Negara mengarah pemberian Bantuan Guaman dalam mana-mana keadaan kesusahan yang tertentu demi kepentingan keadilan. Saya telah meneliti berbagai peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Pindaan ini dan di samping memberi sokongan kepada beberapa peruntukan yang dijelaskan dalam Rang Undang-undang ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan saya kepada pihak yang berkenaan untuk pertimbangan mereka demi menambah kebaikan kepada Rang Undang-undang Pindaan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka merujuk kepada Fasal 7 dan 8. Dan di sini saya mengalu-alukan kedua-dua Fasal ini yang bertujuan untuk

meminda Seksyen 10 dan 11 Akta Ibu untuk meluaskan bidang atau skop bantuan bagi membolehkan permohonan-permohonan untuk mendapat Bantuan Guaman dalam kes-kes jenayah dapat dibuat bukan sahaja kepada seorang hakim tetapi juga kepada Pengarah Bantuan Guaman.

Memandangkan kepada cadangan pindaan ini saya juga berpendapat bahawa adalah tepat bagi pihak berkenaan menimbang, mengusulkan pindaan kepada Seksyen 4 (1) Akta Ibu supaya memperuntukkan kebebasan bagi Pengarah Bantuan Guaman yang membolehkan beliau mempunyai kuasa-kuasa penuh untuk memutuskan ke atas mana-mana permohonan bagi Bantuan Guaman dalam kes-kes jenayah.

Di bawah Seksyen 4 (1) Akta Ibu, ada menyatakan "Bahawa Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Peguam Negara" dan dalam interpretasi saya, ini bererti bahawa jika terdapat setengah-setengah kes yang disifatkan oleh Peguam Negara sebagai tidak wajar diberikan bantuan maka Peguam Negara boleh campurtangan dan mengarahkan Biro Bantuan Guaman supaya jangan memberi sesuatu bantuan. Tentang perkara ini saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi sedikit penjelasan tentang setakat mana Pengarah Bantuan Guaman bebas membuat keputusan-keputusan tanpa campurtangan dari Peguam Negara berhubung dengan peruntukan-peruntukan di bawah Fasal 7, 8 dan 9 yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 11 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 15 Akta Ibu untuk meninggikan had paling tinggi modal boleh guna dan pendapatan boleh guna, pemohon-pemohon ke tahap yang merupakan keadaan sebenarnya

berbanding dengan tahap yang terdapat pada permulaan skim Bantuan Guaman supaya lebih ramai lagi orang yang keadaan ekonominya tertekan menjadi layak menerima Bantuan Guaman dan faedah daripada perkhidmatan Biro Bantuan Guaman.

Saya menganggap Fasal 11 ini sebagai fasal yang penting oleh kerana ianya berkaitan dengan kelayakan seseorang pemohon bagi mendapatkan bantuan guaman. Menurut cadangan pindaan ini ianya bermakna bahawa seseorang pemohon hanya layak mendapatkan bantuan guaman jika pendapatan bolehguna (disposable income) tidak melebihi \$2,000 setahun atau \$166.66. Ini ialah interpretasi saya oleh sebab saya merujuk kepada muka surat 4 yang menyatakan bahawa seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—(f) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tujuh ratus lima puluh ringgit” dalam perenggan b (ii), subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “dua ribu ringgit”. Walaupun ini merupakan satu pembaikan (improvement) jika dibandingkan dengan peruntukan asal yang terdapat dalam akta ibu. Tetapi pada pandangan saya kenaikan dari \$750 ke \$2,000 sungguhpun dialu-alukan tetapi saya berpendapat bahawa mungkin ini adalah tidak mencukupi dan haruslah dinaikkan lagi; dan saya suka mencadangkan di sini bahawa pendapatan bolehguna ini dinaikkan empat kali ganda dari \$750 ke \$3,000 setahun atau \$250 sebulan. Oleh kerana saya berpendapat ini merupakan pendapatan bolehguna (disposable income) yang lebih realistik kepada orang ramai khususnya golongan berpendapatan rendah yang tinggal dalam bandar untuk menjadikan mereka layak untuk menerima bantuan guaman.

Tuan Yang Dipertua, saya membuat cadangan ini oleh kerana untuk seseorang yang tinggal dalam bandar

mempunyai pendapatan bolehguna tidak melebihi \$250 sebulan dan tidak dapat disifatkan sebagai golongan berada dan saya rasa bahawa pendapatan bolehguna ini harus diterima sebagai layak untuk menerima bantuan guaman. Saya berasaskan kenyataan saya kepada hakikat bahawa di dalam bandar kos hidup; tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada membangkitkan perkara tentang inflasi yang saya anggap adalah tinggi dan orang ramai terpaksa menanggung beberapa perbelanjaan.

Tuan Yang Dipertua, satu point lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat mengkaji cadangan saya ini demi kepentingan keadilan untuk semua mereka yang berkehendakkan bantuan guaman.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kepada Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang dikemukakan dalam Dewan ini untuk diluluskan adalah dijangka bahawa beban kerja akan bertambah. Oleh hal yang demikian, saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah memastikan supaya lebih ramai peguam ataupun pegawai undang-undang yang berkelayakan dapat diambil bertugas untuk membantu Biro Bantuan Guaman dalam menyelesaikan berbagai kes yang akan bertambah yang diterima oleh Biro dari mereka yang memerlukan bantuan dan perhatian. Saya berpendapat bahawa ianya tidak akan bermakna atau memenuhi apa-apa maksud untuk meluluskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini jika langkah-langkah tertentu tidak diambil untuk memastikan ataupun untuk melengkapkan Biro Bantuan Guaman dengan kakitangan-kakitangan undang-undang yang cukup bagi mengendalikan semua kes yang dirujukkan kepadanya. Keadilan

tidak semestinya dilengah-lengahkan, Tuan Yang Dipertua, kerana kekurangan pegawai undang-undang untuk memberi bantuan guaman kepada pihak yang memerlukan. Seperti kata peri bahasa Inggeris "Justice delayed is justice denied".

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya juga hendak menyentuh satu hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu bahawa pihak Kerajaan ada rancangan untuk memperluaskan khidmat atau Skim Bantuan Guaman ini dan saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk membuat cadangan ini bahawa Skim Bantuan Guaman ini hendaklah diperluaskan dengan mengambil langkah-langkah menyelarakan (to decentralise) perkhidmatan bantuan guaman di bandar-bandar besar dengan menubuhkan pejabat-pejabat baru ataupun cawangan-cawangan baru sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan dilengkapi dengan kakitangan-kakitangan untuk memberi khidmat guaman kepada orang ramai.

Untuk kawasan luar bandar pihak Kerajaan dapat menubuhkan Perkhidmatan Guaman Bergerak (Mobil Legal Service) untuk memberi khidmat kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang memerlukan bantuan guaman ini. Tentulah semua ini memerlukan perbelanjaan yang lebih dan mungkin pada masa ini keadaan ekonomi kita tidak mengizinkan tetapi saya berharap bahawa apabila keadaan kewangan kita pulih baik cadangan saya ini dapat dipertimbang dan dilaksanakan.

Akhirnya, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Lumut.

5.48 ptg.

**Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1983.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat perkhidmatan-perkhidmatan bantuan guaman perlu diperluaskan untuk membantu mangsa-mangsa penipuan anjuran sindiket-sindiket yang muncul dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, saya baharu pagi ini menerima aduan-aduan yang mana pembeli-pembeli kereta tertipu oleh penjual-penjual kereta yang bergiat secara sindiket dan profesional. Sendiket-sendiket yang bekenaan mampu dan mempunyai kemahiran untuk mencipta dokumen-dokumen palsu dari peringkat pertama ke peringkat akhir. Akibatnya dokumen-dokumen perkilangan dengan tandatangan-tandatangan Pegawai-pegawai Kastam dan Eksais yang palsu dicipta, diikuti dengan keluaran buku-buku pendaftaran kereta yang palsu.

Tuan Yang Dipertua, maksud saya ialah kereta-kereta persendirian yang dibeli oleh orang awam yang tidak berdosa tetapi dirampas oleh pihak polis kerana kenderaan-kenderaan itu didapati dicuri dan dipalsukan hakmiliknya untuk dijual kepada mangsa-mangsa sindiket di seluruh Malaysia. Akibat gerakan polis semenjak beberapa bulan dahulu terdapat lebih kurang 300 buah kereta persendirian yang tersadai di balai-balai polisi di seluruh negara yang terdedah kepada matahari dan hujan sepanjang hari dan malam. Tidak menghairankan jika nasib kereta-kereta itu akan tersadai begitu sahaja selama satu atau dua tahun dari sekarang sehingga tamatnya siasatan polis dan penyelesaiannya di Mahkamah.

Apa yang tidak boleh dielakkan ialah siasatan polis yang rapi akan memakan masa yang agak panjang. Lebih-lebih lagi dokumen-dokumen perkilangan, dokumen-dokumen Jabatan Pengangkutan Jalan dan buku-buku Pendaftarannya telah dipalsukan sehingga mangsa-mangsanya tertipu dan membeli kereta-kereta itu.

Tuan Yang Dipertua, kereta-kereta yang tersadai dalam balai-balai polis menyakitkan mata bila dipandang. Keadaannya semakin merosot kerana karat dan cepat usang. Oleh kerana kereta-kereta segolongannya merupakan sebahagian harta negara keadaan yang menyedihkan ini akan merugikan negara. Jadi saya mencadangkan perkhidmatan-perkhidmatan Bantuan Guaman diperluaskan untuk membolehkan pelepasan kereta-kereta yang berkenaan kepada pemilik-pemiliknya tertakluk kepada jaminan wang atau cara lain yang sesuai dan dalam pada itu pihak polis menyelesaikan siasatannya.

Tuan Yang Dipertua, mangsa-mangsa penipuan oleh sendiket-sendiket yang berorganisasi selalu menderita tanpa sebarang pertolongan. Saya berharap pihak Bantuan Guaman akan mengambil inisiatif untuk menolong mangsa-mangsa yang tertipu secara besar-besaran tanpa sekatan tentang pendapatannya. Bukan sahaja terhadap kes-kes penipuan pembelian kereta tetapi juga kes-kes lain yang muncul dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya menyokong Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1983 dengan sepenuhnya.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

5.54 ptg.

**Tuan Quah Wee Liam (Kluang):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun

untuk membahas suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971.

Sistem kehakiman negara kita merupakan satu sistem yang teratur dan baik. Setakat ini menerusi sistem ini berbagai masalah yang memerlukan tindakan mahkamah telah dapat diselesaikan dengan cara yang baik dan adil. Kerajaan dari masa ke semasa terus berusaha untuk mengemaskinikan sistem ini, membuang dan menambah bahagian-bahagian atau seksyen-seksyen yang didapati perlu. Ini adalah bertujuan untuk menjadikan sistem ini lebih bermakna dan sesuai dengan perkembangan negara dan masyarakat Malaysia. Kerana ada di antara pegawai-pegawai itu yang tidak jujur dan ikhlas kepada pemimpin kita kepada bangsa, agama dan negara, maka kerana itu timbulnya rasa tidak puas hati dari rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya yakin dan percaya Kerajaan sudah pun mengetahui ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak mematuhi arahan-arahan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Tetapi Kerajaan tidak mahu bertindak terhadap pegawai-pegawai yang tersebut bukan kerana Kerajaan takut tetapi untuk memberikan kesempatan kepada mereka itu supaya insaf dan sedar di atas perbuatan mereka itu sendiri yang boleh merugikan negara Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya pegawai-pegawai yang berkenaan itu tidak juga sedar, saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan mengambil tindakan segera terhadap mereka yang tidak mematuhi arahan-arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menterinya. Saya suka menegaskan dalam Dewan yang mulia ini, rakyat tetap memberi sokongan dan berada

di belakang Kerajaan sekiranya Kerajaan bertindak terhadap pegawai-pegawai yang tidak mematuhi arahan Perdana Menteri itu.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran telah diberi peruntukan wang sebanyak \$365 juta. Ini adalah merupakan peruntukan yang munasabah kerana pelajaranlah yang akan menentukan nasib dan masa depan negara Malaysia ini. Maka sekiranya rakyat tidak diberi pelajaran yang cukup sudah tentu masa depan negara ini tidak akan terjamin. Oleh itu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas kesedaran ini.

Tuan Yang Dipertua, sebanyak \$60 juta daripada peruntukan tersebut adalah diperuntukan untuk mendirikan 35 buah sekolah menengah Vokasional, 9 buah sekolah menengah Teknik dan 4 buah sekolah Politeknik yang akan melatih 20,000 orang pelajar dan ini satu perkara yang menarik di sini ialah kita telah bergerak ke arah yang lebih berkesan dalam usaha membela nasib golongan yang tidak berada di mana Bantuan Guaman diberi bagi semua jenis kes. Dengan ini seluruh rakyat dapat menikmati pembelaan undang-undang, tidak terhad kepada golongan yang berada sahaja seperti yang selalu diperkatakan dan menjadi anggapan umum.

Pindaan ini juga akan menempatkan Bantuan Guaman Malaysia selaras dengan sistem bantuan negeri-negeri lain yang berfungsi membantu golongan miskin seluruhnya.

Dengan ini, saya menyokong cadangan pindaan Akta Bantuan Guaman, 1971.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjawab dan menggalang.

5.59 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labis, Kuala Lumpur Bandar, Lumut dan Keluang yang telah bangun membahas dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa semenjak diwujudkan Biro Bantuan Guaman pada tahun 1957, Biro Bantuan Guaman telah pun memainkan peranannya memberi nasihat yang amat berguna kepada banyak kes di bawah Butiran Civil, tetapi malangnya Biro Bantuan Guaman hanya terhad kepada tiga jenis kes sahaja dalam bidang criminal ataupun jenayah.

Kes-kes jenayah yang saya maksudkan ialah kes-kes jenayah di bawah Akta Kesalahan Kecil, 1955, Kes-kes Kesalahan-kesalahan Kanak-kanak dan Orang-orang Muda ataupun, dengan izin, Juvenile Cases, dan juga kes-kes jenayah di mana seorang yang kena tuduh itu telah mengaku salah dan ini mendapat bantuan guaman untuk hanya mengemukakan rayuan kepada mahkamah dari segi mendapat pertimbangan sebelum ianya dihukum.

Dalam bidang kes sivil pula, ada beberapa perkara yang disebutkan dalam Schedule Ketiga yang sekarang ini mengikut pindaan kita bercadang memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk meluluskan permohonan memberi bantuan walaupun kes-kes sivil itu tidak termasuk di dalam kategori yang telah pun dimaktubkan dalam Jadual tersebut. Dengan ini kami berharap bahawa Biro Bantuan Guaman boleh

memainkan peranannya dan memberi perkhidmatan bantuan guaman kepada kes-kes sivil yang lebih banyak lagi.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Labis telah membangkitkan satu cadangan supaya sistem Assigned Counsel yang sekarang ini diamatkan kepada mereka yang telah dituduh di dalam kes di mana akibat kesalahannya mereka akan dihukum bunuh, peguam-peguam diberi oleh Kerajaan. Yang Berhormat dari Labis merayu supaya sistem ini diperluaskan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Labis bahawa di Wilayah Persekutuan sekarang ini terdapat satu sistem di mana tiap-tiap kanak-kanak yang umurnya kurang daripada 18 tahun yang dituduh di mahkamah atas apa-apa kesalahan jenayah sekalipun diberi perkhidmatan percuma oleh Biro Bantuan Guaman. Pihak kami telah pun bekerjasama dengan pihak Mahkamah Kanak-kanak supaya mengemukakan semua kes-kes kepada Biro untuk tindakan Biro selanjutnya. Malangnya oleh sebab Biro Bantuan Guaman menghadapi kekurangan pegawai-pegawai dan juga daripada segi kewangan kami tidak dapat memperluaskan sistem ini kepada tempat-tempat lain buat sekarang ini. Insya Allah, jika terdapat lebih lagi pegawai-pegawai yang akan berkhidmat dalam Biro Bantuan Guaman dan juga bantuan yang berlebihan, sistem cara ini boleh diperkenalkan di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan satu pertanyaan untuk penjelasan tentang Seksyen 4 di mana ada disebut, dengan izin, "The Director shall be responsible to the Attorney General", dan beliau ingin mengetahui adakah Peguam Negara dalam perkara-perkara bersangkutan dengan Biro ini selalu mengawasi

dan meneliti tiap-tiap permohonan yang dibuat ataupun diluluskan oleh Bantuan Guaman.

Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa apa yang termaktub dalam Undang-undang yang ada sekarang di bawah Seksyen 4 (1) ialah semata-mata untuk menjelaskan bahawa Pengarah, Biro Bantuan Guaman hanya diletakkan di bawah jagaan Penguam Negara. Juga saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada satu ketika pun di mana Peguam Negara campurtangan tentang perjalanan Biro Bantuan Guaman.

Sekarang mengikut pindaan yang dikemukakan, Peguam Negara hanya diberi kuasa untuk meluluskan permohonan-permohonan yang di luar daripada kategori yang telah pun ditentukan dalam Schedule Ketiga. Apabila permohonan ini dikemukakan melalui Pengarah ataupun Ketua Pengarah dan permohonan ini diluluskan oleh Peguam Negara, hanya Peguam Negara perlu mengeluarkan surat kebenaran sahaja dan lain-lain urusannya dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga merayu supaya ujian kemampuan untuk membolehkan seorang pemohon itu mendapat bantuan dinaikkan daripada apa yang telah dicadangkan walaupun beliau bersetuju bahawa apa yang telah dicadangkan ialah satu angka yang munasabah. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jika kita bandingkan ujian yang ada pada sebelum Undang-undang ini dicadangkan untuk dipinda adalah seperti berikut, iaitu jika seorang bujang ingin mendapat bantuan guaman dan ia tidak mempunyai tanggungjawab untuk membolehkannya mendapat bantuan tersebut, ia mestilah mendapat gaji tidak lebih daripada

\$134 sebulan, dan di bawah Undang-undang yang dipinda bujang yang serupa itu jika mendapat gaji yang tidak melebihi \$354 sebulan ia juga layak mendapat bantuan sepenuhnya.

Sehinggalah kepada seorang yang mempunyai tanggungjawab yang mempunyai 7 orang tanggungan. Di bawah undang-undang lama dia mestilah mendapat gaji tidak melebihi \$221 sebulan dan mengikut angka di bawah pindaan yang kita kemukakan orang yang serupa yang mempunyai 7 tanggungan mesti mendapat gaji tidak melebihi \$587.

Dan kepada mereka yang ingin mendapat bantuan separuh, dahulunya bila seorang bujang yang mendapat gajinya tidak melebihi \$321 boleh mendapat bantuan separuh. Sekarang bujang yang serupa boleh walaupun mendapat gaji tidak melebihi \$854 mendapat bantuan guaman separuh. Sehingga kepada orang yang mempunyai tanggungjawab, 7 tanggungjawab dahulunya tidak melebihi \$409 sehingga sekarang mengikut apa yang dicadangkan angka ini dinaikkan kepada \$1,087 sebulan dia juga boleh mendapat bantuan separuh. Mengikut cadangan pindaan ini sumbangan yang akan dikenakan tidak melebihi sebulan gaji.

Tuan Yang Dipertua, saya telah pun mencatatkan semua cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin menegaskan di sini bahawa cadangan-cadangan itu adalah baik dan jika sepertimana diserankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar keadaan ekonomi negara kita pulih seperti sedia kala, insya Allah, kita akan laksanakan. Jika perlu kita akan meminda sekali lagi untuk memberi perkhidmatan guaman percuma ataupun separuh percuma kepada golongan dan lapisan rakyat kita yang tidak begitu mampu. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang diper-  
timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 23* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Pengangkutan  
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):**  
Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan seperti mana yang tertera di dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

#### **RANG UNDANG-UNDANG RUMAH JUDI TERBUKA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.18 ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadang bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953 di baca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Akta Rumah Judi Terbuka yang wujud sekarang didapati mempunyai beberapa kelonggaran dan kelemahan untuk mengawal dan mencegah kegiatan judi dengan lebih berkesan. Adalah didapati bahawa kegiatan judi di tempat-tempat awam makin meluas.

Peruntukan atau perbekalan yang ada dalam Akta sekarang tidak membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas kegiatan-kegiatan judi di kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan di mana perjudian dianjurkan. Di samping itu pihak pendakwa mengalami kesulitan dalam mengemukakan penjudi-penjudi ke

muka pengadilan kerana pihak pendakwa dikehendaki memberi bukti-bukti yang berupa alat-alat judi dan memberi nama judinya sekali. Kesukaran ini berlaku apabila sesuatu serbuan dijalankan, alat-alat judi biasanya berselerak dan penjudi-penjudi pula bersubahat di antara mereka untuk menjaga kepentingan mereka masing-masing.

Hukuman-hukuman yang ada di dalam Akta sekarang ini pula didapati sangat ringan dan tidak dapat mencegah perjudian. Di samping itu Akta ini tidak membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas pemegang-pemegang jawatan dalam sesuatu organisasi pertubuhan atau persatuan, di mana premis mereka digunakan bagi kegiatan judi.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan masalah-masalah yang dihuraikan di atas maka undang-undang ini didapati perlu dipinda bagi membolehkan pengawasan dan pencegahan terhadap kegiatan judi di tempat-tempat awam. Secara ringkas seksyen 2 Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dicadangkan dipinda bagi memperluaskan takrif “Rumah Judi Terbuka” dan “Perjudian”. Tujuannya ialah untuk merangkumi semua bentuk perjudian yang dianjurkan dengan izin (syndicated gamblings) di kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan. Tindakan ini diambil kerana perjudian ini bertentangan dengan tujuan asal yang sebenar penubuhan kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan itu.

Tuan Yang Dipertua, Akta ini juga dicadangkan dipinda untuk mengatasi kesulitan mendapat maklumat dan bukti-bukti bagi mengenali judi yang dimainkan dengan mewujudkan Seksyen 3A baru. Pindaan ini membolehkan seseorang itu didakwa sekiranya ia di jumpai sedang berjudi tanpa perlu membuktikan nama judi itu.

Dengan meminta Seksyen 4 hingga 9 pada Akta yang ada, hukuman penjara dan denda seperti yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini dijangka akan dapat mencegah dan menjauhkan orang ramai dari berjudi. Seksyen 11 baru pula membolehkan pihak berkuasa mendakwa siapa juga yang memiliki atau mempunyai sebarang benda yang digunakan untuk loteri.

Seksyen 16 dan 17 dipinda untuk mengatasi kesukaran mendapat maklumat secara bersumpah dari orang ramai. Dengan pindaan ini, maklumat bertulis sahaja memadai untuk membolehkan pengeluaran waran mengeledah di tempat-tempat yang disyaki menjalankan perjudian.

Seksyen 20A baru membolehkan pemegang-pemegang jawatan di kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan dipertanggungjawab sekiranya kelab-kelab, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan mereka didapati menjalankan perjudian. Mereka tidak seharusnya terlepas dari tanggungjawab sebagai pemegang-pemegang jawatan di dalam sesuatu kelab, persatuan atau pertubuhan. Manakala Seksyen 23A baru memperuntukan supaya mahkamah boleh menerima keterangan agen yang memperoleh bukti perjudian tanpa bukti, sokongan atau dengan izin corroboration.

Tuan Yang Dipertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan tegas dan berkesan ke atas segala bentuk perjudian yang terkutuk dan di tempat-tempat yang dinyatakan di atas. Di samping itu tindakan tegas Kerajaan dapat mencegah dan menjauhi orang ramai dari berjudi atau melibatkan dengan sebarang aktiviti yang berkaitan dengannya. Dengan adanya peruntukan baru, orang ramai akan lebih mudah

memberi maklumat dan bekerjasama dengan pihak berkuasa, demi mencapai matlamat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):**  
Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

6.26 ptg.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat):** Bismillahirrahmannirrahim.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953, sebagaimana yang dibentangkan kepada kita baru sekejap tadi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Pada himat saya Akta ini yang dibentangkan kepada kita pada petang ini adalah merupakan satu cara yang sesuai dan munasabah ke arah mengawal dan memperketatkan lagi amalan judi di negara kita ini sebagaimana disebutkan tadi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan bertujuan untuk mencegah dengan cara lebih berkesan. Sokongan yang saya beri ini dengan harapan untuk masa-masa yang akan datang amalan judi ini akan dibentangkan pula ke Dewan ini suatu akta yang dapat mengharamkan terus amalan judi berlaku di negara kita yang kita cintai ini, kerana pada hemat saya penglibatan judi itu walaupun judi itu hanya dikhususkan kepada golongan

yang bukan Islam, tetapi penglibatannya sama ada secara langsung ataupun tidak langsung ia terbawa-bawa kepada orang-orang Islam juga.

Tuan Yang Dipertua, dalam perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang lepas, suatu usul telahpun dikemukakan mendesak Kerajaan supaya mengharamkan segala bentuk perjudian di negara kita ini. Gesaan ini dibuat bukanlah semata-mata kerana amalan judi ini bertentangan dengan ajaran Islam, tetapi kami melihat dari sudut yang lain juga bahawa amalan judi ini telah menimbulkan banyak bahaya, telah menimbulkan kekacauan dan telah membawa kepada perkara-perkara yang tidak diinginkan di kalangan orang ramai.

Tuan Yang Dipertua, tidak ada siapa yang dapat nafikan bahawa judi adalah merupakan punca kemusnahan dan salah satu daripada punca jenayah dan amalan judi juga telah membawa kepada berbagai-bagai maksiat dan mungkar dan lain-lain perkara yang keji berlaku dalam masyarakat kita ini lebih-lebih lagi kita tidak pernah dengar bahawa orang yang terlibat dengan judi ini mendapat untung dan hidup mewah, kaya kerana judi. Kita tidak pernah diberitahu orang dan tidak pernah disebut orang bahawa si Ahmad mewah, si Ahmad itu kaya ataupun senang hidupnya kerana dia untung dalam perjudian. Apa yang kita dengar si Ahmad itu sekarang sudah jadi papa kedana, si Ahmad itu telah menjadi mufliis, sudah menjadi manusia yang huru-hara rumahtangganya kerana suka berjudi.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, ugama Islam memandang amalan judi ini sebagai satu amalan yang paling keji dan mensifatkannya sebagai kerja-kerja syaitan dan amalan judi ini jelas di

terangkan, dinyatakan oleh Allah s.w.t. dan disenaraikan sekali dengan kerja-kerja seperti minum arak dan meminta orang-orang Islam dan orang ramai supaya menjauhinya. Kerana dengan menjauhi judi itu boleh membawa kepada kejayaan dan kemakmuran kepada dirinya juga kepada masyarakat.

Ketika Pergerakan Pemuda UMNO membuat gesaan mengharamkan seluruh judi, apa sahaja bentuk judi yang ada dalam negara kita pada hari ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir sendiri telah pun membuat kenyataan beliau selepas itu bahawa beliau sendiri telah memberi jaminan akan melihat dan mengkaji secara serius gesaan Pergerakan Pemuda UMNO ini. Kita sedar bahawa Kerajaan terpaksa menghadapi berbagai-bagai kesukaran untuk mengharamkan semua jenis perjudian kerana amalan judi ini di kalangan sebilangan kecil masyarakat kita telah menjadi akar umbi yang agak sulit untuk dicabut.

Walau bagaimanapun, saya amat gembira sekali usaha-usaha ke arah pengharaman itu, usaha-usaha ke arah pencegahan secara lebih berkesan telah mula dilaksanakan di mana yang nyata dan yang jelas hari ini orang-orang Islam sudah pun diharamkan daripada masuk ke Kasino di Genting dan dengan pembentangan Akta yang berada di hadapan kita ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha ke arah itu dan diharap ini adalah merupakan sebagai pengkalan pertama, usaha pertama ke arah pengharaman terus amalan judi ini.

Tuan Yang Dipertua, apabila saya melihat kepada Akta yang dibentangkan ini nampak sangat dan barulah tahu saya bahawa judi ini banyak jenisnya. Waktu saya kecil-kecil dahulu apa yang saya tahu orang-orang kampung kawasan saya dengar juga orang kata berlaga ayam, laga ikan sembilang, biri-biri jantan, cuma

dalam bentuk itu semata-mata. Tetapi melihat kepada Akta ini macam-macam nama ada dan tak dapat saya hendak bacanya, kalau saya baca betulkah atau tidak lidah saya dapat sebut, tak jelas, tak tahu.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Kerajaan yang mengambil tindakan yang seumpama ini dengan harapan bagi jangka masa yang akan datang bagi kepentingan semua rakyat, bagi kemakmuran dan kesejahteraan negara dan bagi memperolehi hidayah dan taufik daripada Allah subhanahu wataala, maka usaha-usaha ke arah penghargaan itu mestilah dimulakan daripada sekarang, lebih-lebih lagi judi-judi yang melibatkan orang-orang Melayu, orang-orang luar bandar dan golongan-golongan yang miskin, seperti 4 Ekor, 3 Ekor dan sebagainya. Saya pun tak tahu Ekor itu diambil daripada mana, tetapi jelas di kalangan orang-orang Melayu luar bandar, di kalangan umat Islam perkataan "4 Ekor, 5 Ekor" ini diketahui semua dan tahu disebut oleh sebilangan besar daripada masyarakat kita. Pada hemat saya, angan-angan hendak jadi kaya melalui tidak ada usaha dan kerja ini adalah merupakan angan-angan yang boleh menyebabkan kemunduran Bangsa kita dan boleh menyebabkan kehancuran total bagi masyarakat, khususnya orang-orang Melayu.

Tuan Yang Dipertua, ada orang berkata bahawa sekiranya judi ini diharamkan maka ini melibatkan hasil pendapatan negara. Di sini saya ingin menegaskan bahawa sesungguhnya pengharaman itu jika dilaksanakan, sebenarnya tidak akan menjejaskan ekonomi negara kerana jumlah hasil negara kita hari ini telah bertambah dari tahun ke tahun. Peratus cukai judi kalau hendak dibandingkan dengan pendapatan negara adalah terlalu kecil dan pendapatan ini pada setiap tahun

kalau kita kaji, kita lihat tak sampai pun 2% dari jumlah cukai Kerajaan pada keseluruhannya. 2% ini kalau hendak dibandingkan dengan 98% yang lain sudah tentu adalah satu angka yang paling kecil. Kalaulah angka itu dianggap sebagai satu angka yang besar, maka kita kena ingat bahawa 2% itu adalah sesuatu yang tidak diredhai oleh Allah subhanahu wataala dan sesuatu yang tidak diredhai oleh Allah subhanahu wataala itu akan digantikan dengan berlipat gandanya. Yang perlu bagi kita ialah kepercayaan, keyakinan dan hasrat, niat, cita-cita ke arah menyelesaikan perkara-perkara yang seumpama ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Akta ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

6.36 ptg.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Merus):** Tuan Yang Dipertua, saya juga sebagaimana rakan saya dari Tumpat menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka, 1953.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana membentangkan Akta ini dan kepada saya ini membuktikan betapa seriusnya sikap Kerajaan untuk membentaras judi di negara ini.

Terlebih dahulu juga saya suka hendak memberi amaran kepada mana-mana Ahli Dewan yang mungkin akan menentang Rang Undang-undang ini sebagai orang-orang yang pada pandangan saya orang yang suka menyokong kepada judi, harus mereka itu sendiri merupakan kaki judi dan harus juga setengah-setengahnya mungkin taukeh judi. Jadi saya harap pindaan ini akan mendapat sokongan sepenuhnya daripada semua Ahli Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, pada pandangan saya judi bukan sahaja merupakan satu penyakit masyarakat, tetapi judi juga pada pandangan saya merupakan satu kegiatan yang anti ekonomi yang tidak produktif. Kepada orang-orang Islam, kita semua tahu bahawa judi merupakan satu perkara yang haram hukumnya dan dikutuk oleh Allah subhanahu wataala. Judi juga membawa malapetaka bukan sahaja kepada diri tetapi juga kepada keluarga. Judi adalah satu penyakit masyarakat yang telah menular, makin menular dan perlu diubati dan dihentikan. Oleh kerana itu, saya berpendapat usaha-usaha untuk membentasi judi adalah selaras dengan kehendak dan tuntutan tamadun manusia dan ajaran moral sejagat.

Melihat kepada Fasal 16, Tuan Yang Dipertua, saya sebagaimana kata rakan saya dari Tumpat memang kagum melihat senarai judi-judi yang telah begitu berkembang dan menular dengan nama-nama yang sophisticated, yang payah hendak disebut. Walaupun Ahli dari tumpat tidak menyebut, tetapi saya suka hendak cuba menyebut 3-4 nama judi-judi ini. Di antaranya, "Pai Kow", saya tak pernah dengar ini, "Belangkas, Chap Jee Kee, Dadu Katak Ular, Dadu Kodok Ulo, Dadu Muka Enam, See Kee Yah, Daun Empat, Hoo Hey How" dan sebagainya itu. Senarainya memang panjang, Tuan Yang Dipertua, dan saya fikir kalaulah rakyat Malaysia begitu produktif sekali mencipta idea-idea baru dalam perniagaan, dalam ekonomi, dalam teknologi, sebagaimana produktifnya mereka ini mencipta judi-judi, mungkin lah negara kita ini telah menjadi sebuah negara yang begitu maju dalam bidang teknologi dan maju di dalam pembangunan perniagaan, sains dan sabagainya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, saya terkejut juga melihat

senarai-senarai ini oleh kerana tidak terkandung setengah-setengah bentuk perjudian seperti TOTO, Loteri Kebajikan Masyarakat, Lumba Kuda dan lain-lainnya. Saya memang faham jenis-jenis perjudian ini merupakan perjudian-perjudian, kalau boleh saya katakan dan kalau betul saya takrifkan yang dihalaikan tetapi apa yang suka saya sebutkan dengan tulus ikhlas bahawa saya tidak dapat bersetuju bahawa ada takrif tentang apa yang dikatakan judi yang halal dan judi yang haram. Kepada saya semua bentuk judi adalah haram, tidak menjadi halal judi itu kerana semata-mata dilesenkan dan sebaliknya judi yang tidak dilesenkan itu dikatakan haram. Jadi, saya dengan jujur dan ikhlas juga meminta satu pemikiran baru, mungkin meminta satu pandangan yang baru, satu sikap yang baru untuk difikirkan oleh pihak Kerajaan kerana dalam perkara ini pada pandangan saya sudah sampailah masanya kita mencari sesuatu sikap yang conclusive dengan izin, terhadap Loteri, terhadap TOTO, terhadap Lumba Kuda dan sebagainya.

Saya sangat sakit dan saya percaya rakan-rakan kita Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional terutamanya ahli-ahli yang beragama Islam sangat sakit, perit menghadapi isu dalam perkara ini yang dimainkan, yang setengah-setengahnya dipolitikkan oleh setengah pihak. Kepada kita defence terhadap perkara ini memang tidak ada dan saya menganggapkan bahawa dalam keadaan yang seperti ini tidak berada di dalam satu keadaan yang defenceless, dengan izin, kita tidak dapat mempertahankan diri kita.

Saya juga berpendapat kenalah pada masa dan sesuailah dengan keadaan kita memikirkan balik dengan serius perkara ini oleh kerana kita sendiri telah menegaskan dan melaungkan bahawa Kerajaan kita pada masa ini Kerajaan yang telah

banyak berjasa, telah banyak membawa pembaharuan, yang akan terus memperjuangkan kemajuan hak rakyat dan sebagainya kita telah mengatakan kita akan menerapkan unsur-unsur Islam, menjadi satu pegangan, menjadi satu perkara yang dibanggakan, menjadi satu perkara yang digantungkan harapan oleh rakyat sudah sampailah masanya kita mengambil satu-satu keputusan dan sikap yang tegas dalam perkara ini.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bahawa di dalam soal perjudian, soal pertimbangan terhadap hasil tidak boleh sama sekali berbangkit. Soal hiburan lebih-lebih lagi tidak kira hiburan untuk siapa sekali pun.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang lain yang pada pandangan saya patut juga saya bangkitkan di sini kerana ini pun merupakan satu irony juga ialah berkenaan dengan pengharaman kita yang telah kita buat, keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap orang-orang Islam pergi ke Kasino di Genting Highlands ini adalah merupakan satu langkah, satu keputusan yang memang telah tepat, telah betul, dialu-alukan, diterima dan menguntungkan kita, tetapi malangnya keputusan yang baik ini, dasar yang baik ini, perkara yang baik ini tidak kita gunakan untuk bidang-bidang, tempat-tempat perjudian yang lain.

Kalau kita telah memutuskan untuk mengharamkan orang-orang Islam ke Kasino, satu tempat perjudian, soalnya mengapakah tidak kita memutuskan untuk mengharamkan orang Islam pergi ke semua tempat perjudian seperti Empat Nombor Ekor, seperti tempat Lumba Kuda, seperti tempat orang menjual TOTO dan sebagainya. Jadi, perkara yang seperti ini sekali lagi menimbulkan petanyaan yang memberikan ruang bagi pihak-pihak yang sentiasa

menentang Kerajaan untuk menyerang dan sekali lagi dalam perkara ini kita berada di Tapak ataupun di tempat yang lemah.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap kita akan dapat menjunjung prinsip di dalam pemerintah kita. Kita patutlah cuba merapatkan sebarang jurang di dalam pentadbiran dan pemerintahan kita perkara-perkara yang merupakan apa yang boleh saya katakan dengan izin, double standards.

Tuan Yang Dipertua, rakyat negara ini merasa bangga dengan usaha-usaha kita menubuhkan Bank Islam. Kita sedang berusaha hendak mengadakan insuran Islam, kita juga sedang gigih berusaha untuk menubuh pajak gadai Islam, semuanya itu merupakan usaha-usaha yang baik, janganlah usaha-usaha yang baik ini dicemari oleh perkara-perkara yang lain yang kita benarkan terutamanya di dalam hal perjudian ini.

Saya tidaklah dapat bersetuju 100% dengan sepeh pandangan yang diberikan oleh rakan saya dari Tumpat bahawa di dalam soal membanteras ataupun menuju ke jalan hukum Islam ini kita mestilah ada pengkalan-pengkalan. Pengkalan yang pertama, kemudian berganjak kepada pengkalan yang kedua, ketiga dan seterusnya. Kepada saya kita patutlah terus menuju ke pengkalan yang akhirnya supaya kita sampai ke matlamat yang dikehendaki.

Itulah sahaja, Tuan Yang Dipertua, dua perkara yang suka saya sebutkan di sini dan saya sekali lagi memberi jaminan bahawa perkara-perkara ini saya sebutkan dengan tulus ikhlas, dengan permintaan daripada setengah-setengah daripada rakyat supaya bila saya dapat peluang menyentuh perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Baling.

6.48 ptg.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling):** Tuan Yang Dipertua, saya juga turut serta membahar Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh segala hujah-hujah yang telah dibawa oleh Wakil-wakil dari tumpat dan juga Ulu Nerus tadi.

Seperti termaklum kita telah merdeka selama 26 tahun dan kita telah meletakkan Ugama Islam ugama rasmi dan ugama lain dipelihara yang telah tercatat dalam Perlembagaan Negara kita yang kita cintai dan sayangi. Juga Rang Undang-undang ini telah dibuat sejak tahun 1953 lagi yang bermakna setelah 30 tahun dan juga kita telah ketinggalan zaman.

Apabila saya fikir usaha pindaan Rang Undang-undang ini sepatutnya telah lama diubah atau dipinda tetapi walau bagaimana sekalipun usaha pindaan belum lagi lewat dan saya mengucapkan syabas dan tahniah yang tinggi kepada pihak-pihak yang telah mendorong dan mencetuskan usaha pindaan ini yang terdiri dari Menteri berkenaan yang mana disokong oleh pegawai-pegawai yang benar-benar bertanggungjawab sama ada berkelulusan ugama tinggi ataupun tidak untuk mengurangkan atau membanteraskan usaha yang dikutuk oleh Ugama Islam kita yang maha suci. Dan juga keadaan perjudian negara kita begitu berleluasa bukan sahaja di peringkat orang berada, orang-orang dewasa, berpelajaran atau tidak bahkan telah melarat kepada kanak-kanak lelaki dan juga perempuan.

Saya berkeyakinan penuh dengan adanya pindaan Fasal 2 bertujuan untuk memperluaskan takrif bagi istilah "judi banker", memperluaskan

bidang maknanya rumah judi terbuka supaya termasuk Kelab-kelab di mana perjudian lazimnya dijalankan dan juga untuk memperluaskan makna istilah perjudian, dengan izin, "gaming" dengan menyenaraikan kategori perjudian termasuk permainan uji nasib, atau permainan ubi nasib serta kemahiran sekali iaitu sebanyak 25 permainan termasuk senarai alat-alat permainan tersebut yang mana hari ini saya mendapat pengetahuan penuh darinya.

Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong penuh pindaan Fasal 3 bertujuan Akta dengan menguntukkan bahawa jika seorang dipertuduhkan di bawah seksyen 6 atau 7 Akta, maka pihak pendakwa hanya perlu menyatakan orang itu dijumpai sedang berjudi tanpa menyatakan jenis judi tertentu yang demikian dimainkan. Saya percaya pindaan ini adalah yang sangat baik dan patut sangat dikenakan sama ada seseorang itu bermain atau melihat atau hadir menyaksikan sesuatu perjudian itu berjalan, supaya lebih menakutkan seseorang itu dari melakukan perjudian yang dimurkai oleh Allah Subhanahu wataala.

Dan masa ini saya juga akan membacakan satu Hadis Nabi berbunyi 'Mantsyabbaha beqaumin hawwa mingkum', Hadis syahih Bukhari dan Muslim yang bermakna barang siapa bersama-sama atau bersubahat dengan sesuatu kaum atau puak maka ia juga bersama-sama dengannya.

Maka saya berharap kepada mereka yang tersebut hendaklah dikenakan hukuman yang sama. Tuan Yang Dipertua, pindaan perkataan-perkataan masa dan jumlah hukuman dari masa yang singkat kepada lebih panjang dan jumlah wang yang kurang kepada yang lebih banyak bagi tiap-tiap satu seksyen iaitu seksyen 4, 5, 7, 8 dan 9, dalam Akta ini adalah

mustahak benar dan dikehendaki sangat dewasa ini kerana keadaan negara kita telah merdeka dan nilai wang juga berlainan dari masa 30 tahun yang lampau. Kalau dibandingkan dengan harga kelapa 30 tahun dahulu hanya dua atau tiga sen sahaja, tetapi sekarang telah 30 atau 40 sen sebiji. Dan perubahan masa juga dari sedikit kepada banyak, sangat-sangat sesuai kerana negara kita telah mengubah masa dengan lebih awal kepada setengah jam daripada masa yang lama. Dan bukan sahaja rakyat Malaysia telah menerimanya, tetapi juga termasuk rakyat Singapura. Oleh itu, saya menyokong Pindaan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Penghabisan, Ahli Yang Berhormat dari Matang.

6.54 ptg.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mana membawa Rang Undang-undang ini untuk dipinda di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan masalah judi ini tadi kita telah dengar banyak daripada kawan-kawan kita tadi yang telah menerangkan satu persatu berhubung dengan masalah perjudian.

Judi adalah suatu penyakit masyarakat, suatu penyakit masyarakat yang akhir-akhirnya

menjadi masyarakat yang purak puranda. Dari hubungan ini, Tuan Yang Dipertua, kalau kita lihat, kalau kita tengok dengan mata kepala kita sendiri, dalam kehidupan manusia di zaman sains dan teknologi ini kita dapati bermacam-macam jenis perjudian diadakan. Sama ada secara yang sah ertinya yang diluluskan oleh pemerintah, oleh Kerajaan sama ada judi Tikam Ekor, Empat Digit, Tiga Digit, Lima Digit kalau ada, dan bermacam-macam jenis lagi judi terutama judi terbuka sebagaimana yang disebutkan dalam Akta ini seperti belangkas, Cap Jee Kee Pai Kow dan lain-lain lagi ini ada berpuluh-puluh jenis perjudian sama ada dijalankan mengikut yang diluluskan oleh pemerintah ataupun yang diperjudikan secara haram. Tetapi yang sebenarnya judi ini mengikut pandangan Islam, mengikut perundangan Islam memang haram dan apa yang saya tinjau daripada orang-orang yang bukan Islam sendiri pun mengatakan bahawa judi ini memang haram, bukan kepada orang-orang Islam bahkan kepada orang-orang yang bukan Islam pun memang haram.

Tetapi saya bertanya mengapa banyak orang suka berjudi. Sama ada orang-orang yang bukan Islam ataupun orang-orang yang beragama Islam sendiri. Itu kata mereka, itu masing-masing tepuk dada tanya selera.

Jadi sehubungan dengan ini, Tuan Yang Dipertua, dalam masalah perjudian ini kita lihat berhubung dengan masalah misalnya tempat perjudian yang paling terkenal di negara kita ini di Genting Highlands. Di Genting Highlands pada satu ketika tempat perjudian yang begitu terkenal yang mana sama ada orang yang bukan Islam dan orang-orang Islam dibenarkan main judi tetapi syukur Alhamdulillah, yang mana baharu-baharu ini pemerintah kita

atau Kerajaan kita telah mengharamkan orang-orang yang beragama Islam untuk pergi bermain judi di tempat tersebut.

Tetapi apa yang difahamkan di Genting Highlands ini ada sebuah bilik khas di sana, yakni yang membolehkan orang-orang yang tertentu terdiri daripada orang-orang Melayu yakni orang-orang yang beragama Islam boleh menjalankan kegiatan perjudian di Genting Highlands ini.

Inilah yang menjadi satu masalah, satu penyakit mungkinlah agaknya orang-orang yang ternama agaknya di sini boleh berjudi oleh kerana segi pendapatan mereka itu lebih. Jadi kalau dapat duit lebih itu hendak sedekah kepada fakir miskin, sedekah jariah kepada fakir miskin rasa agak ralat sedikit, rasa agak rugi, lebih baik mereka pergi melabur di sana.

Ini saya berharap kepada Kementerian Dalam Negeri menyiasat sama ada benar atau tidak di tempat yang saya sebutkan tadi, ada atau tidak kegiatan di tempat itu yang dibolehkan pula atau dikhaskan orang-orang tertentu sahaja untuk bermain judi di sana.

Selain daripada itu, tadi kita dengar wakil dari Baling menyentuh masalah perjudian ini yang mengatakan kita belum pinda, baru hari ini kita hendak pinda, sejak 30 tahun lalu iaitu sejak tahun 1953 iaitu sejak zaman penjajah British lagi undang-undang ini berjalan sehingga hari ini baru kita hendak pinda, kita hendak luluskan. Sudah berapa lama, sudah 30 tahun, kita merdekapun sudah 25-26 tahun baru sekarang kita sedar, kita hendak pinda. Tetapi syukur alhamdulillah oleh kerana di atas sikap kesedaran, di atas sikap kesedaran daripada para pucuk pimpin negara, maka kita dapat pinda dan kita mahu pinda dalam Akta Judi atau Rang Undang-undang

Rumah Judi ini. Tetapi kalau kita setakat pinda dari segi ini, kita buat perjudian lain saya tidak setuju. Kalau nama judi tetap judi dan diharamkan terus, sama ada judi besar, judi kecil, sama ada 4 ekor, 4 digit, 10 digit atau 20 digit haramnya tetap haram. Janganlah diadakan langsung. Sebab apa, penyakit judi ini apa yang kita lihat sendiri, apa yang kita tengok sendiri dalam masalah orang-orang yang ketagih kepada masalah judi ini, misalnya, ada satu keramaian, dalam satu hari-hari keramaian, maka timbullah perjudian. Apabila timbul perjudian ini, maka peminat-peminat judi itu dia tidak kira yang kecil, yang tua, yang muda, yang buta dan yang capik semua datang untuk bermain judi.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang buta pun main judi juga?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya, pandai juga main judi.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang tuli?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Yang tuli pun boleh berjudi juga. Jadi dalam masalah ini maka terjadilah sekejap di sana berlaku pecah rumah, sekejap pecah rumah di sini; pantang letak basikal sekejap basikal itu lesap; letak barang-barang berharga termasuk ternakan ayam, itik, kerbau, lembu semuanya hilang.....

**Tuan Yang Dipertua:** Kasut di masjid pun hilang.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya, kasut di masjid pun hilang juga. Betul, Tuan Yang Dipertua, memang "benor" sangat, kata orang Perak.

Tuan Yang Dipertua, jadi inilah satu perkara penting supaya kita cari jalan menghapuskan sebagai

pemerintah kerana perjudian ini satu perkara maksiat. Maksiat itu bukan sahaja berzina, maksiat judipun satu perkara maksiat.

Saya bukan ahli ugama tetapi kita sebagai orang Islam, pemimpin kita daripada peringkat atasan orang Islam, daripada DYMM Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Bapak-bapak Menteri dan termasuk Tuan Yang Dipertua pun orang Islam, marilah kita mencari jalan supaya membenteras judi. Cara hendak membenteras judi ialah dengan cara mengharamkan perjudian itu. Apa segi perjudi pun haram dan hukumnya tetap haram.

Jadi dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong sangat-sangat dalam masalah Rang Undang-undang Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 ini. Sekali lagi, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya ada yang meminta, angkat tangan hendak bercakap juga. Jadi saya bagilah peluang bercakap. Silakan.

7.05 ptg.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang):** Tuan Yang Dipertua, terima kasih. Saya turut sama membahaskan Akta rumah Judi Terbuka yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia pada petang ini.

Sebenarnya pada mulanya saya hendak bercakap ringkas sahaja, Tuan Yang Dipertua, kerana pada mulanya saya fikir Akta yang dibentangkan ini akta untuk mengharamkan judi sebagai memenuhi hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Walau bagaimanapun, saya menghargai di atas usaha pihak Kementerian berkenaan yang telah membentangkan

Akta ini untuk mengemaskan kedudukan undang-undang perjudian dalam negara kita ini.

Saya suka untuk catatan di sini secara tegas penghargaan saya kepada pihak penyokong-penyokong Barisan Nasional yang telah bercakap terlebih dahulu daripada saya dalam memberikan sokongan terhadap pindaan Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 ini, yang pada saya mempunyai pendapat yang sama dalam soal dan hasrat ingin membenteras perjudian yang diharamkan oleh ugama Islam yang menjadi ugama rasmi dalam negara ini. Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, saya hendak membacakan sepotong ayat Al-Quran yang menjadi nas tentang haramnya perjudian itu yang bermaksud bahawa sesungguhnya meminum arak, berjudi, dan bertening nasib itu adalah merupakan kejahatan ataupun keburukan daripada kerja-kerja syaitan, maka hendaklah kamu menjauhi amalan judi itu semoga kamu akan berjaya di dalam kehidupan.

Inilah ayat yang menjadi pegangan kepada setiap pejuang-pejuang Islam dalam usaha hendak membenteras atau mengharamkan perjudian dalam masyarakat Islam.

Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya judi ini bukanlah semata-mata penyakit masyarakat, tetapi ianya juga merupakan penyakit peribadi yang perlu diubati. Di dalam mengubati penyakit peribadi ini, maka tidaklah cukup dengan denda yang merupakan hukuman berupa wang ringgit. Jadi saya mencadangkan kepada pihak Kementerian berkenaan supaya orang-orang yang melakukan amalan perjudian ini sama ada dia pemain judi ataupun tokeh judi, hendaklah dikenakan denda yang berat, sekurang-kurangnya sebatang rotan disebat di belakangnya. Kita nampak bahawa ini paling berat tetapi bukan

caranya untuk menghukum manusia yang mengidap penyakit judi ini.

Selain daripada itu, saya minta juga pihak Kementerian yang berkenaan supaya berusaha lagi menjauhkan diri daripada membenarkan mana-mana golongan yang kerana sesuatu perayaan, sehingga sampai 40 hari 40 malam mengadakan tempat perjudian, menghalalkan benda yang diharamkan ini seolah-olah satu cara tidak langsung ataupun secara langsung kita menggalakkan rakyat-rakyat kita bermain judi ataupun terus mengidap penyakit judi ini kerana pada saya, Tuan Yang Dipertua, judi bukanlah merupakan hiburan. Kalau menonton TV atau wayang itu hiburan, tetapi judi bukan hiburan, ia penyakit.

Saya menyokong Akta Rumah Judi (Pindaan) terbuka ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*7.10 mlm.*

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menghulur dan merakam ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Tumpat, dari Ulu Nerus, dari Baling, dari Matang dan dari Rantau Panjang kerana telah menzahirkan minat serta sokongan sepenuhnya terhadap persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pindaan Akta Rumah Judi Terbuka Tahun 1953.

Tuan Yang Dipertua, di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, dari Ulu Nerus, dari Baling, dari Matang mahupun dari Rantau Panjang, sukalah disimpulkan di sini bahawa kita selaku rakyat yang cintakan negara ini hendaklah

senantiasa memberi kesedaran kepada orang ramai agar menjauhi diri dari terjerumus ke dalam perangkap judi. Kerana akibatnya sepertimana kita sedia maklum potensi mengancam kenteraman awam. Di samping itu judi juga membawa kepada pelbagai penyakit sosial serta masalah keagamaan.

Tuan Yang Dipertua, tidak ada banyak perkara disentuh dan sukalah saya pada petang ini menyatakan bahawa segala pandangan dan teguran-teguran yang mana semuanya dicatat akan diberikan perhatian oleh Kementerian saya dan di mana perlu akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian sekejap tadi.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusi-kan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 16* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN)—MENARIK BALIK

**Menteri Wilayah Persekutuan  
(Dato' Shahrir bin Abdul Samad):**  
Saya mohon mencadangkan:

Bawah mengikut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1983 ditarik balik.

**Timbalan Menteri Pengangkutan  
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):**  
Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul yang meminta supaya Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1983 ditarik balik.

Saya kemukakan usul ini kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1983 ditarik balik.

### RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.06 mlm.*

**Menteri Wilayah Persekutuan  
(Datuk Shahrir bin Abdul Samad):**  
Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Akta untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana ianya terpakai bagi Wilayah Persekutuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Pindaan yang dikemukakan ini dikenali sebagai Akta Pentadbiran Hukum Syarak Pindaan Tahun 1983 dan menyentuh dua bidang, iaitu ekonomi dan kehakiman.

Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan dalam tahun 1974 berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Bagi mentadbirkan urusan hal ehwal agama Islam di Wilayah Persekutuan yang baru ditubuhkan ini, Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Selangor Tahun 1952 telah diambil dan dikuatkuasakan bagi kegunaan Wilayah Persekutuan, iaitu secara diubahsuaikan sahaja. Bagi Negeri Selangor sendiri selepas tahun 1974, undang-undang berkenaan itu telah banyak dibuat pindaan-pindaan iaitu bagi menyesuaikan dengan keperluan-keperluan semasa. Bagaimana undang-undang yang sama diubahsuaikan dan digunakan bagi Wilayah Persekutuan hanya pernah dibuat satu kali pindaan sahaja dalam tahun 1980 dan itu pun merupakan pindaan kecil yang menyentuh perkara-perkara berhubung dengan keanggotaan dengan kehendak Majlis serta tentang perhubungan Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan sebagai Urusetia Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan.

Dalam tempoh 9 tahun sejak ditubuhkan, Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan telah mengalami beberapa perubahan dan perkembangan sama ada dari segi organisasi pentadbirannya mahupun dari segi aktiviti yang dijalankan. Di antara perkembangan itu ialah penglibatan Majlis dalam bidang kegiatan ekonomi yang dijalankan menerusi Baitulmal Majlis. Dalam tahun 1980 Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan telah meluluskan suatu peraturan Baitulmal yang dinamakan kaedah-kaedah Baitulmal Wilayah Persekutuan, perbelanjaan dan pengurusan 1980

dengan berkuasanya peraturan ini Majlis telah melantik sebuah jawatankuasa Baitulmal. Jawatankuasa ini diberi tugas dan tanggungjawab mengurus dan mengelolakan Majlis Baitulmal termasuk menjalankan apa-apa projek sekim enterprise ataupun perusahaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada umat Islam.

Sungguhpun peraturan Baitulmal seperti di atas telah diluluskan, pada prinsipnya peraturan itu adalah tidak lengkap dan tidak mencukupi. Ini disebabkan peruntukan yang sedemikian tiada terdapat dalam undang-undang induk yakni undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan pada masa ini.

Di bawah Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan Tahun 1974 tidak terdapat peruntukan-peruntukan yang membolehkan Majlis terutamanya menjalankan apa-apa aktiviti perusahaan, perindustrian dan perdagangan kecil ataupun besar.

Kedua, menjalankan atau menubuh syarikat atau apa-apa perbadanan untuk menjalankan apa-apa perniagaan yang sepatut dijalankan oleh Majlis.

Ketiga, menjalankan apa-apa usaha-usaha sama dengan badan-badan lain dalam bentuk perniagaan sama ada secara pengusaha giat atau sebagai pemilik saham sahaja dan semua pindaan yang disyorkan itu adalah mustahak diadakan dengan segera bagi membolehkan Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan berfungsi menurut kehendak semasa.

Pindaan ini melibatkan dua aktiviti penting Majlis iaitu di bidang baitulmal, ekonomi dan di bidang kehakiman—Mahkamah Syariah. Kedua-dua aktiviti ini adalah

mustahak. Dari sudut baitulmal pindaan ini akan membolehkan Baitulmal Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan mengambil bahagian dalam kegiatan projek ekonomi termasuk menyertai kegiatan Bank Islam, mengadakan institusi arahan pajak gadaai Islam apabila diperlukan, membeli saham dan membangunkan harta-hartanya secara bersendirian atau usahasama.

Dari segi Mahkamah pula, pindaan ini adalah merupakan suatu persiapan kearah menguatkuasakan Undang-undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan. Di bawah Undang-undang Keluarga Islam yang dicadangkan itu denda bagi setiap kesalahan yang dilakukan adalah melebihi \$100 dan sebulan penjara. Oleh itu, semua kesalahan-kesalahan ini hanya dapat didengar di Mahkamah Kadi Besar kerana bidangkuasa civil di Mahkamah Kadi adalah dihad setakat sebulan penjara dan denda \$100. Keadaan ini tentu membebaskan Kadi Besar tetapi dengan adanya pindaan ini kes itu dapat didengar oleh Mahkamah Kadi. Dengan kes-kes ini didengar di Mahkamah Kadi bukan sahaja ia akan mengurangkan beban Mahkamah Kadi Besar tetapi di sebalik itu mengurangkan kes-kes yang tertangguh kerana jumlah Mahkamah Kadi tidak seperti Mahkamah Besar yang terdapat sebuah sahaja di setiap negeri.

Selain daripada itu pindaan ini juga dapat dianggap sebagai usaha menaikkan taraf Mahkamah Kadi dalam bidangkuasa civilnya setaraf dengan Mahkamah Majistret. Dengan yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah merupakan pindaan yang perlu dibuat ke atas Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, 1974 bagi Wilayah Persekutuan bagi menghadapi keperluan dan kehendak semasa.

Kedua, pindaan ini juga diperlukan kerana Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam ini adalah undang-undang tahun 1952 di mana negeri asal yang menggunakannya juga telah membuat pindaan yang dicadangkan ini.

Ketiga, pindaan ini terpaksa dibuat ke atas undang-undang yang ada sekarang kerana usaha mengadakan Undang-undang Pentadbiran Islam yang baharu dan lengkap masih diperingkat gubalan dan akan mengambil masa untuk disiapkan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana ianya terpakai bagi Wilayah Persekutuan dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

*7.25 mlm.*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Bismillahirrahmanirrahim. Wasallallahualla sayyidina Muhammad waalaalihiwasahbihi wassallim.

Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta pindaan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak.

Tuan Yang Dipertua, dalam mengenai pentadbiran hukum syarak adalah suatu perkara yang tidak boleh dipandang kecil ataupun diperkecilkan kerana ini adalah suatu yang ada hubungan di antara hukum-hukum

Allah s.w.t. yang telah digariskan oleh Allah di dalam KitabNya Al-Quran dan Hadis.

Kita memang merasai bersyukur kehadiran Allah kerana di negara kita ini ialah sebuah negara yang ada mengamalkan hukum-hukum syarak yang menjadi tempat perlindungan dan tumpuan bagi umat-umat Islam meneliti dalam sesuatu perkara yang bersangkutan dengan kedudukan orang-orang Islam di dalam negara ini. Dan ini adalah merupai satu perjanjian yang tidak rasmi dengan Allah kerana memandangkan di atas tugas-tugas ataupun kata-kata yang telah dikatakan oleh kita dan Kerajaan iaitu mengamalkan ugama Islam sabagai ugama rasmi dalam Perlembagaan kita. Dan pada mula-mula kemerdekaan pada hari peristiharan kemerdekaan Malaysia iaitu didahulukan dengan membawa Al-Qurannulkarim dimasukkan dalam Majlis yang mulia diikuti dengan umat-umat Islam dan pejuang-pejuang kemerdekaan dibelakangnya. Jadi, memberi erti bahawa kita ada membuat perjanjian yang tidak rasmi dengan Allah yang bahawasanya kita dinegara kita akan menjalankan sedaya upaya yang boleh tentang hukum-hukum syarak khasnya terhadap orang-orang Islam di negara kita dan juga yang bukan Islam yang sepatutnya dijalankan dengan apa-apa dalam hukum syarak.

Sekarang saya suka menyentuh sedikit tentang Mahkamah Syariah dalam bidang kehakiman sebagaimana apa yang berlaku sekarang yang telah dijalankan sejak dari negara kita telah tercapai kemerdekaan 25 tahun iaitu hukum khalwat di antara orang Islam dengan bukan Islam.

**Tuan Yang Dipertua:** Itu Yang Berhormat telah sentuh dahulu. Yang Berhormat hendak bawa lagikah? Perkara itu sudah disebutkan beberapa kali, dalam soalan jawab pun telah disebutkan juga.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, izinkanlah saya sebut sedikit sahaja.

**Tuan Yang Dipertua:** Ya, sedikit sahaja.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang Dipertua:** Berkenaan dengan khalwat sedikit sahaja.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Di antara hukum yang dijalankan di Mahkamah-mahkamah Kadi antara orang-orang bukan Islam dengan Islam iaitu orang Islam dihukum sedangkan orang yang bukan Islam dilepaskan begitu sahaja. Jadi, undang-undang yang seumpama ini adalah rasa saya sangat jauh daripada apa yang benar. Kalau dipandangkan kepada undang-undang, kita hendak katakan undang-undang apa, undang-undang internasional ataupun undang-undang antarabangsa—bukan, undang-undang Islam pun bukan. Jadi, di atas undang-undang apa yang dijalankan sekarang. Kalau sekiranya memandangkan kepada Mahkamah, apabila dinamakan Mahkamah bergantung kepada pegangan keadilan, itu ertinya Mahkamah. Berpandu sebagaimana firman Allah di dalam Al-Quran.....ertinya apabila kamu menghukum di antara manusia "bainannas", Tuhan tidak kata "bainalmuslimin", dia kata "bainannas" maknanya di antara manusia, tidak kira Islam ataupun bukan Islam. Antahkumu bilaad—hendaklah kamu hukum dengan adil. Jadi, yang ada sekarang hukuman-hukuman yang dilakukan hari ini adalah sangat bercanggah dengan hukum yang dikehendaki oleh Allah dan juga oleh undang-undang mana sekalipun. Barangkali adalah difikirkan kerana orang bukan Islam ini tidak bedosa.

Sebenarnya apabila dibuat satu-satu undang-undang di dalam sebuah

negeri bukan kerana dosa. Dosa itu adalah pekerjaan Allah subhanu wataala. Ini adalah dalam segi keadilan. Maka ini tidak adil. Apabila tidak adil hendak dinamakan apa ini, Mahkamahkah? Dan yang menghakimkan itu hendak dikatakan Hakimkah? Hakim ertinya mesti adil. Ini tidak adil.

Dalam segi maruah, kalau sekiranya kita tidak memandang kepada hukum ataupun kepada undang-undang, kita pandang kepada maruah sahaja. Sebab orang-orang yang bukan Islam sendiri pun, sekiranya anak mereka melakukan khalwat dengan orang yang bukan Islam, ibu bapanya sendiri pun mengatakan tidak elok, masyarakat bukan Islam pun mengatakan tidak elok, apatah lagi masyarakat Islam. Tetapi apabila sampai kepada peringkat kehakiman, dilepaskan percuma sahaja.

**Tuan Yang Dipertua:** Dia tidak lepas Yang Berhormat. Dia tidak dibawa ke Mahkamah, macam mana hendak lepas. Kalau hendak dikatakan lepas itu, kalau ditangkap, dicharge, tuduhan atas dia barulah boleh dikatakan lepas. Dia itu tidak dibawa ke Mahkamah langsung, kerana pada masa sekarang bercanggah dengan Article 11 Perlembagaan kita. Jikalau sekiranya Yang Berhormat ada Usul meminda Perlembagaan, bolehlah mengeluarkan hujah pada masa kita membincangkan Perkara Fasal 11. Freedom of religion—kebebasan beragama.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawasanya perkara ini tidak dibawa langsung ke Mahkamah. Apabila sahaja tidak dibawa langsung ke Mahkamah bererti lagi dahsyat, lagi tidak patut. Tetapi jikalau dibawa ke Mahkamah, tidak dihukum, separuh tidak patut, tetapi tidak di bawa

langsung ertinya sungguh tidak patut, sungguh tidak berkeadilan. Dengan yang demikian, sebagaimana apa yang dimaksudkan oleh Kerajaan iaitu hari ini ialah menghendaki menerap nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan. Dengan demikian semoga perkara-perkara yang seumpama ini akan dipertimbangkan, diubah-suaikan, disusun semula hingga menjadikan Hukum Syarak yang ada di dalam negara kita ini sebuah Hukum Syarak yang benar-benar tepat sebagaimana apa yang dikehendaki oleh Allah dan dikehendaki oleh masyarakat.

Saya suka menyentuh sedikit tentang peraturan-peraturan yang ada sekarang yang telah berjalan di negara kita iaitu peraturan orang-orang Islam hendak berkahwin, dia mestilah mengambil surat kebenaran daripada Kadi kawasan mereka.

**Tuan Yang Dipertua:** Perenggan mana itu Yang Berhormat? Dengan kerana undang-undang ini bersangkutan dengan Wilayah Persekutuan, bukan bersangkutan dengan tempat yang lain-lain daripada Wilayah.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, saya bercakap ini pun ialah dalam . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Ya, perenggan mana itu?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, saya anjak kepada mauduk lain iaitu Mahkamah Tinggi Syariah—Mahkamah Syariah. Pentadbiran Hukum Syarak bagi negeri Selangor iaitu dalam Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi negeri Selangor, sebagaimana diubah-suaikan oleh Perintah Wilayah.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh mengenai Baitulmal dan zakat. Baitulmal ataupun Rumah Harta yang ada dalam negeri kita

ataupun di Wilayah Persekutuan, bawasa saya mengharapkan semoga harta-hartanya itu dapat digunakan kepada saluran-saluran yang sempurna mengikut kehendak-kehendak Islam terutama yang menjadi masalah hari ini orang-orang Islam apabila ingin membina sesebuah masjid ataupun tempat-tempat ibadat kepada Allah s.w.t, semoga daripada wang Baitulmal ini akan dapat digunakan kepada arah ini dan saya mngesyorkan kepada Kerajaan supaya dapatlah kiranya orang-orang Islam yang bekerja dengan Kerajaan ataupun dengan swasta dapat dipohonkan kiranya memotong gaji mereka untuk dimasukkan kepada Baitulmal iaitu sebulan, misalnya orang bergaji \$3,000-\$3 sebulan; yang \$2,000-\$2 sebulan; \$1,000-\$1 sebulan dan \$500-50 sen sebulan. Wang itu dimasukkan kepada Baitulmal dan boleh digunakan untuk membina masjid-masjid apabila sahaja tempat yang munasabah dibangunkan masjid itu. Jadi tidaklah payah Kerajaan mengeluarkan estimate ataupun peruntukan-peruntukan khas untuk bantuan-bantuan masjid ini. Kerana kalau sekiranya kita umat Islam, misalnya, kita katakan ada 7 juta umat Islam dan yang bekerja katakanlah misalnya 4 juta, ertinya kita akan dapat menghimpunkan wang yang begitu banyak pada tiap-tiap bulan dan bagi yang bekerja pula tidak pula merasa kesan apa-apa kalau sekiranya \$3 sebulan bagi orang yang bergaji \$3,000 sebulan; tidak menjadi apa kesan bagi yang bergaji \$2,000 sebulan hanya \$2. Ini syor saya, rasa saya elok sekiranya Kerajaan dapat melakukan cadangan-cadangan ini.

Taraf kedudukan Kadi-kadi iaitu Hakim hari ini didapati amat berbeza sangat dengan kedudukan Mahkamah-mahkamah Majistret ataupun kita katakan Majistret sendiri hendak dibandingkan dengan kedudukan Kadi-kadi. Saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat mengadakan

Mahkamah Tinggi Syariah supaya tiap-tiap sesuatu perkara yang menghadapi ke mahkamah yang tidak dapat diputuskan di Mahkamah Kecil akan dibawa kepada Mahkamah Tinggi Syariah, kerana dalam kedudukan umat-umat Islam sendiri perkara-perkara yang terlibat yang patut diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dalam segi mahkamah, tentu sekali ada perkara kecil dan ada perkara besar. Sekiranya perkara-perkara itu kecil boleh diputuskan di Mahkamah-mahkamah Kadi biasa, apabila perkara-perkara itu besar dibawa kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, itu sudah ada disebutkan, bukan Mahkamah Tinggi tetapi Mahkamah Kadi Besar—ada jika ditengok di dalam Huraian pada perenggan (3).

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, makna Mahkamah Kadi Besar lain dengan Mahkamah Tinggi Syariah yang saya maksudkan itu. Saya maksudkan ini Mahkamah Tinggi Syariah, bererti mahkamah itu, binaan Mahkamah sendiri berada di pusat bandar Malaysia ini. Itu yang saya maksudkan.

Adapun Mahkamah-mahkamah Kadi Besar ada di tiap-tiap negeri. Jadi itu Mahkamah Kadi Besar tetapi bukan Mahkamah Tinggi Syariah. Kemudian Hakim ataupun Kadi, saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan Hakim Tertinggi dalam Syariah. Sekarang ini dalam Mahkamah Syariah tidak ada Hakim Tinggi sebagaimana Mahkamah Majistret. Mahkamah Majistret ada Hakim Tinggi. Maka kalau kita katakan barangkali tidak munasabah, kenapa tidak munasabah? Inilah baru betul-betul dinamakan mahu menerap nilai-nilai Islam. Kita hendak katakan kedudukan Kadi-kadi yang boleh

diangkat kepada taraf sebagai Hakim Tinggi Mahkamah Syariah dalam segi pelajaran mereka.

Dalam Islam di antara mereka ramai yang berkelulusan Ph.D yang mempelajari Undang-undang Islam dan undang-undang antarabangsa. Tidak sekali-kali menjadi tidak patut ataupun kekok sekiranya diangkat kepada peringkat ini, dan bolehlah hukum-hukum jenayah yang berlaku antara bapa dengan anak, berlaku antara isteri dengan suami; pembunuhan, pertikaman antara isteri dengan suami boleh dimasukkan di bawah seksyen Mamah ini. Walaupun dia sebagai jenayah akan tetapi berlakunya antara "a'ilah" atau family, suami isteri ataupun ayah dengan anak maka dimasukkan dalam Mahkamah Tinggi Syariah kerana berlakunya antara orang Islam, dan dengan sesama dia. Sebab apa, hukum dalam Islam sendiri berbunuh antara bapa dengan anak maka hukumnya tidak boleh dihukum sebagaimana hukum orang lain. Jadi, bagaimana kalau sekiranya Mahkamah Majistret mahu hukum kepada sibapa bunuh anak sama sebagaimana seorang bunuh orang lain? tentu sekali tidak tercapai keadilan yang benar-benar adil. Tidak lain dan tidak bukan dibawa kepada Mahkamah Tinggi Syariah tadi supaya ditengok dalam hukum-hukum Allah Subhanahu wataala, mengenai bunuh anak beranak, anak dengan bapa; isteri dengan suami, rasa saya itu paling elok dan paling bagus. Yang keduanya pula mengurangkan sedikit daripada pekerja-pekerja yang banyak dibebankan di Mahkamah-mahkamah Majistret.

Sekian, terima kasih dan saya turut menyokong Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan).

**Tuan Yang Dipertua:** Jangan panjang sangat.

7.48 mlm.

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak):** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan), 1983 dan di sini saya hendak sentuh berkenaan dengan Fasal 3 Rang Undang-undang ini.

Saya sangatlah mengalu-alukan Seksyen 11 yang baru yang hendak dimasukkan selepas Seksyen 10 dalam Rang Undang-undang ini. Kewujudan Seksyen 11 ini adalah kena pada tempat dan waktunya ketika umat-umat Islam terutamanya orang-orang Melayu di Wilayah Persekutuan yang sedang ghairah menceburi kegiatan ekonomi dan kemasyarakatan.

Seksyen 11 dalam Fasal 3 ini bertujuan menentukan tugas Majlis Ugama Islam, Wilayah Persekutuan mengenai pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan bersesuaian dengan hukum syarak. Apa yang saya faham bahawa di bawah Majlis ini terletaknya Institusi Baitulmal. Baitulmal sejak zaman awal Islam telah sedia wujud untuk mentadbirkan hal-ehwal sosio-ekonomi kaum muslimin.

Bagi Wilayah Persekutuan, Institusi Baitulmal sangat aktif bergerak dalam menjalankan tugas Majlis Ugama Islam, Wilayah Persekutuan dalam memajukan dan merancang serta berusaha membangun segala aktiviti-aktiviti yang bercorak ekonomi bagi kaum muslimin di Wilayah Persekutuan ini, walaupun hanya segelintir kaum muslimin sahaja yang benar-benar mengetahui peranan besar yang dimainkan oleh Baitulmal untuk membantu, membangun dan menjaga kepentingan orang-orang Islam dan menaikkan taraf sosio-ekonomi bagi kaum muslimin khususnya orang-orang Melayu.

Sebelum seksyen baru 11 ini diadakan kepada undang-undang ini, Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan melalui Baitulmal telah bergerak dalam menjalankan fungsi-fungsinya mengikut Kaedah Baitulmal 1980 iaitu, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, "Baitulmal Federal Territory (Expenditure and Utilization) Rules, 1980".

Untuk menceburi di dalam lapangan perindustrian, perniagaan, pembelian tanah dan harta untuk mendirikan rumah dan rumah kedai dan asrama, Baitulmal terpaksa bernaung dan menggunakan Kaedah 5 atau dalam bahasa Inggerisnya "Rule (5) of the Baitulmal Federal Territory (Expenditure and Utilization) Rules, 1980." Di bawah kaedah-kaedah ini, Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan melalui Baitulmal telah menjalankan projek-projeknya yang bernilai lebih daripada \$100 juta. Antaranya ialah tapak perumahan dan tapak bangunan di 19 buah tempat di dalam Wilayah Persekutuan ini. Projek-projek yang lain termasuk perkilangan, membuat barang-barang dan juga projek-projek yang menonjolkan ekonomi bagi kepentingan kaum Muslimin di Wilayah Persekutuan ini telah dijalankan dengan baiknya oleh pihak Baitulmal ini. Saya sangatlah tertarik bagaimana Ahli-ahli Majlis terutamanya pegawai-pegawai dan kakitangan Baitulmal dapat menjalankan tugas-tugas bertungkus-lumus tanpa memikirkan penat-lelah bagi kemajuan masyarakat Muslimin di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Alhamdulillah, undang-undang yang dibawa pada petang ini dan pihak Baitulmal bolehlah sekarang dengan diluluskan undang-undang ini bergerak lebih giat lagi mengikut peruntukan Seksyen 11 yang baru dimasukkan di dalam undang-undang ini.

Dengan adanya Seksyen 11 ini pihak Baitulmal dapatlah berkecimpung di dalam lapangan-lapangan perusahaan dan perindustrian secara persendirian ataupun usaha-usaha dengan menjalankan perindustrian yang dipersetujui oleh orang ramai yang sudah tertubuh dan maju secara membeli ekuiti ataupun dengan sendirinya menjalankan aktiviti atau projek ekonomi mereka sendiri.

Dan saya percaya pihak Baitulmal juga akan boleh menjalankan perusahaan iaitu membina hotel-hotel Islam yang bertaraf antarabangsa yang dikelolakan secara Islam dan juga supermarket-supermarket yang akan menjual barang-barang yang halal untuk makanan orang Islam dapat diadakan pertama kalinya di negara ini.

Memandangkan bahawa Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan melalui Baitulmal akan memikul tugas yang besar dan kompleks dalam menggunakan sumber-sumber kewangan yang sedia ada dengan cara yang wajar, maka saya ingin mencadangkan supaya kedudukan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di Baitulmal ini yang sepatutnya jumlahnya seramai 40 orang yang sekarang hanya ada 26 orang, seharusnya pihak Kerajaan menambahkan tenaga penggerak ini supaya membolehkan mereka ini menjalankan tugas mereka dengan lebih baik dan teratur. Dan juga daripada segi gaji mereka yang saya difahamkan jatuh di bawah sekil A24 atau lebih tepat anggaran gaji sebanyak \$1,660 seharusnya jugalah pihak Kementerian memikirkan agar mereka, iaitu pegawai-pegawai yang penuh berdedikasi ini dinaikkan ke satu tingkat yang lain sekurang-kurangnya ke Tingkat A12 bagi satu sumbangan, galakan supaya pegawai-pegawai ini dapat menjalankan tugasnya lebih berdedikasi.

Akhir sekali saya juga ingin mencadangkan agar Baitulmal ini dijadikan sebuah badan berkanun untuk membolehkan ianya bergerak lebih baik lagi khasnya di Wilayah Persekutuan ini bagi kepentingan kaum Muslimin, orang-orang Melayu di Wilayah Persekutuan ini.

Dan dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab. Semua menyokong (*Ketawa*).

7.56 mlm.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dan juga dari setapak yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang tersebut. Segala pandangan-pandangan yang telah diutarakan itu saya pasti dan yakin akan membolehkan Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan menentukan arah tugas dan peranannya sesuai dengan harapan dan hasrat umat Islam di Wilayah Persekutuan.

Dan saya tidaklah juga bertujuan untuk menyentuh ataupun menjawab tiap-tiap satu teguran, malahan hanyalah untuk memberi jaminan bahawa apa sahaja yang dapat dilaksanakan untuk faedah dan manfaat umat Islam di Wilayah Persekutuan akan dipertimbangkan oleh Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan dan sekiranya dapat dilaksanakan, akan dilaksanakan.

Sekian, saya ucapkan terima kasih (*Tepuk*).

**Tuan Yang Dipertua:** Tepuk pula tu (*Ketawa*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengeruskan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 13* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sampailah kepada penghujung mesyuarat kita setelah 3 bulan kita bertukar-tukar fikiran di dalam suasana kadang-kadang masam, kadang-kadang manis, kadang-kadang ketawa dan kadang-kadang naik berang. Tetapi walau bagaimanapun, kita berasa puas hati kerana kita telah selesai menunaikan tugas kita masing-masing setakat daya yang ada kepada kita.

Saya mengambil peluang mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat yang

telah menolong saya di dalam tugas saya sehingga tugas saya ini telah menjadi lebih ringan.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau (*Tepuk*) dan Yang Berhormat dari Balik Pulau (*Tepuk*) yang telah menolong saya di dalam tugas untuk mempengerusikan mesyuarat. Mereka dengan sukarela telah pun mendedahkan diri mereka dalam seluruh masa mesyuarat dan dalam masa mereka berada di atas kerusi Yang Dipertua, mereka juga telah menghadapi beban sebagai Yang Dipertua yang ada kala-kalanya tidak selesa.

Akhirnya Ahli-ahli Yang Berhormat marilah kita berdoa moga-moga masalah Pindaan Perlembagaan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin demi untuk keamanan dan kemakmuran negara kita. Perkara ini hendaklah dihadapi oleh seluruh rakyat dengan perasaan realistik dan bukan dengan perasaan emosi hingga tidak dapat membeza yang mana yang berfaedah dan yang mana yang mudarat. (*Tepuk*)

Dengan kata-kata ini saya harap dapat kita berjumpa pula di dalam bulan Mac tahun hadapan dalam keadaan sihat dan walafiat, dan saya mengucapkan selamat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Mesyuarat ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.02 malam.*